

LAPORAN TAHUNAN

AWQAF HOLDINGS BERHAD

2019



Wakaf Korporat®

Institusi Memperkasa Ekonomi Umat

Corporate Waqf & Institution To Strenghten Ummah's Economy





| 01 | KENYATAAN KORPORAT *CORPORATE STATEMENT* [1]

| 02 | TENTANG AWQAF *ABOUT AWQAF*

- | | |
|---|-------|
| 2. Maklumat Korporat/
<i>Corporate Information</i> | [6] |
| 3. Visi & Misi/
<i>Vision & Mission</i> | [6] |
| 4. Mutawalli/
<i>Mutawalli</i> | [6] |
| 5. Pengasas/
<i>Founder</i> | [7] |

| 03 | STRUKTUR KORPORAT AWQAF *AWQAF CORPORATE STRUCTURE*

- | | |
|--|--------|
| 6. Ahli Lembaga Pengarah/
<i>Board of Directors</i> | [9] |
| 7. Jawatankuasa Eksekutif/
<i>Executive Committee</i> | [11] |
| 8. Jawatankuasa Audit/
<i>Audit Committee</i> | [11] |
| 9. Kumpulan Pengurusan/
<i>Management Team</i> | [12] |

| 04 | WAQAF KORPORAT *CORPORATE WAQF*

- | | |
|---|--------|
| 10. Waqaf Korporat/
<i>Corporate Waqf</i> | [14] |
| 11. Ciri-ciri Waqaf Korporat/
<i>Features Corporate Waqf</i> | [14] |
| 12. Model Waqaf Korporat/
<i>Corporate Waqf Model</i> | [16] |
| 13. Keahlian AWQAF/
<i>AWQAF Membership</i> | [16] |

| 05 | AKTIVITI PELABURAN *INVESTMENT ACTIVITIES*

- | | |
|---|--------|
| 14. Curves Bukit Jelutong
<i>Curves Bukit Jelutong</i> | [18] |
| 15. Buku Biografi
<i>Biography Book</i> | [19] |
| 16. Projek Pembagunan
<i>Development Project</i> | [20] |

- | | |
|---|--------|
| 17. Setulus Hati | [20] |
| 18. Pengurusan Sisa Pepejal Asher
<i>The Ecowaste Asher</i> | [21] |
| 19. Penapis Air Rx Water
<i>Rx Water Filter</i> | [21] |
| 20. Mesin ECG HUSM
<i>ECG Machine HUSM</i> | [21] |
| 21. Sekolah Integrasi Holistik
<i>Integrated Holistic School</i> | [22] |
| 22. Wirdora | [22] |

| 06 | TABUNG KEBAJIKAN *WELFARE FUND*

- | | |
|------------------|--------|
| 23. EduWAQF | [23] |
| 24. AWQAF4Health | [23] |
| 25. ZuriatCARE | [24] |

| 07 | AKTIVITI-AKTIVITI *ACTIVITIES*

- | | |
|------------------|--------|
| 26. AWQAF | [28] |
| 27. EduWAQF | [31] |
| 28. AWQAF4Health | [31] |
| 29. ZuriatCARE | [32] |

| 08 | LAPORAN KEWANGAN *FINANCIAL REPORT* [35]

| 09 | LAMPIRAN *APPENDIX*

- | | |
|--|--------|
| 31. Notis AGM/
<i>AGM Notice</i> | [85] |
| 32. Borang Proksi/
<i>Proxy Form</i> | [87] |
| 33. Borang Keahlian/
<i>Membership Form</i> | [89] |

PENYATA KORPORAT



Firman Allah S.W.T dalam Surah Al-Baqarah ayat 267 yang bermaksud;

"Hai orang-orang yang beriman!, Nafkahkanlah (di jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu"

Segala puji-pujian hanya kepada Allah SWT, selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabat baginda. Alhamdulillah, terlebih dahulu pihak kami ingin merafa'kan rasa kesyukuran kehadiran Allah SWT di atas limpah rahmat dan kurnia-Nya, maka AWQAF Holdings Berhad sebagai sebuah institusi Waqaf Korporat® terus diberi kekuatan untuk berkhidmat bakti mencerah tenaga dan masa meneruskan sumbangan kepada pengukuhan ekonomi Islam dan kesejahteraan Ummah.

Bagi pihak Ahli Lembaga Pengarah AWQAF, kepercayaan dan tanggungjawab yang telah diberikan oleh para ahli bagi kami meneruskan peranan dan amanah melaksanakan agenda Waqaf Korporat® ini, akan kami laksanakan dengan penuh komited dan keazaman yang tinggi. Institusi Waqaf Korporat® ini perlu diteruskan bagi menjadi satu institusi amanah umat, yang pada jangka masa panjang, insya Allah, bukan sahaja melaksanakan tanggungjawab korporat menjurus kepada eko-sistem ekonomi Islam, malah menyalurkan manfaat kepada golongan dan mereka yang memerlukan.

Dalam pada itu, kami mengalui-alukan perlantikan Ahli Lembaga Pengarah yang baru iaitu Dr. Ridzwan bin Bakar, Puan Rafeah Ariffin dan Dato' Khairul Shahril Hamzah. Dr. Ridzwan bin Bakar merupakan Pensyarah di Fakulti Pengurusan, Universiti Multimedia Malaysia dan juga merupakan Peneraju Kewangan Islam, Perakaunan dan Sains Sosial Pengajian (IFASS). Beliau telah dilantik sebagai Lembaga Pengarah - Pusat Wakaf, Majlis Agama Islam Wilayah (MAIWP), Lembaga Pemegang Amanah - Yayasan Wakaf Malaysia (YWM), Lembaga Pelaburan Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) dan juga Peneraju Dasar Awam Malaysia mengenai Wakaf dan Wakaf Insentif percukaian (JAWHAR - Pejabat Perdana Menteri & Kementerian Kewangan).

Puan Rafeah Ariffin pula mempunyai 25 tahun pengalaman dalam bidang Kewangan, Pemasaran dan Komunikasi Korporat di dalam pelbagai industri terutamanya sektor kesihatan. Beliau telah dinobatkan dengan anugerah sebagai antara 100

Pemimpin Pemasaran Global Paling Berbakat oleh Kongres Pemasaran Dunia 2013. Buat masa ini, beliau merupakan Pengarah Eksekutif di Medi Excell Sdn. Bhd., iaitu syarikat perundingan kesihatan yang menjalankan perniagaan di dalam dan luar Malaysia. Manakala, Dato' Khairul Shahril Hamzah merupakan Setiausaha Agung Dewan Perdagangan Islam Malaysia yang baru sejak Ogos 2020. Beliau merupakan Ketua Pegawai Eksekutif HQC Commerce Sdn. Bhd., Lembaga Penasihat Persatuan Islam Halal Jepun, dan Pengurus Organisasi Darul Kifayah Malaysia, yang terlibat aktif sebagai perunding pematuhan halal kepada lebih 1,000 syarikat perkhidmatan & pengeluar produk halal di dalam dan luar negara. Semoga ketiga-tiga Ahli Lembaga Pengarah baru ini dapat memberi buah fikiran, berkongsi kelebihan dan kemahiran mereka bagi membawa AWQAF ke satu aras kecemerlangan baru bagi memartabatkan agenda Waqaf Korporat® bagi umat Islam.

Sesungguhnya, menerusi penerbitan Kenyataan Korporat ini, hasrat AWQAF untuk sentiasa bertindak dengan terbuka dan telus, menyampaikan segala maklumat berkaitan AWQAF dan perkhidmatannya akan diteruskan. Ketelusan ini penting bukan sahaja bagi ahli-ahli dan pelabur di dalam projek AWQAF, malahan juga kepada badan seperti Majlis Agama Islam Negeri Sembilan selaku pihak berautoriti yang mentauliahkan status Mutawalli kepada AWQAF sebagai sebuah institusi Waqaf Korporat®, milik umat.

DANA DAN KEAHLIAN AWQAF



Alhamdulillah, sepanjang tahun 2019, pelbagai aktiviti telah AWQAF jalankan bagi memberi pencerahan berkenaan Waqaf Korporat®, termasuk pendedahan dan pendidikan serta dakwah berterusan berhubung manfaat Waqaf Korporat® kepada masyarakat khususnya dan potensi impak besarnya kepada ekonomi negara secara amnya. Kesedaran dan pengetahuan masyarakat telah diterjemahkan dengan penerimaan dana AWQAF terkumpul-

pada 31 Disember 2019 iaitu sebanyak RM12.59 juta, pertambahan sebanyak RM116,371 sepanjang tahun 2019, dengan jumlah ahli pewakaf seramai 3,108 ahli. Jumlah dana AWQAF dan ahli terkini sehingga 31 Julai 2020 adalah sebanyak RM12.74 juta dengan ahli pewakaf seramai 3,167 ahli.

Bagi pihak AWQAF, kami bersyukur dan berterima kasih di atas amanah dan kepercayaan yang diberikan terutama oleh ahli-ahli baru dalam menjayakan himpunan dana wakaf tersebut. Sumbangan-sumbangan ini juga disokong dengan strategi media massa dan promosi bagi meningkatkan lagi imej AWQAF di mata masyarakat, seterusnya mendapat kepercayaan serta sokongan untuk meneruskan agendanya.

Sepanjang tahun kewangan 2019 juga, AWQAF telah terus aktif dalam menjayakan program perkongsian ilmu dan kempen kesedaran dan pendidikan kepada masyarakat berkenaan Waqaf Korporat®. Antara program-program Waqaf Korporat® 2019 yang dijalankan adalah bersama Wanita PERKIM, Koperasi Penduduk Bandar Baru Bangi (KoBANGI), USRAH Associates, WADAH Selangor, Majlis Agama Negeri Pulau Pinang sempena Simposium Wakaf Pulau Pinang dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) sempena Bicara Wakaf Korporat di Malaysia: Filantropi Islam & Wakaf Korporat di Malaysia. YBhg Timbalan Pengerusi, Tuan Haji Mohammad Sahar Mat Din juga berpeluang berkongsi mengenai AWQAF dan Waqaf Korporat® sempena program “Saudi and Malaysian Experiences Forum in Waqf Management & Investment” di Jeddah, Arab Saudi pada Mac 2019. AWQAF juga mengadakan perkongsian Waqaf Korporat® sempena 9th Muslim World Biz 2019 di Kuala Lumpur Convention Centre pada September 2019 dan juga Global Waqf Conference pada November 2019.

Selain dari aktiviti-aktiviti yang berkaitan ilmu dan kesedaran Waqaf Korporat®, pihak AWQAF juga berusaha meneroka peluang-peluang pelaburan yang turut dapat memberi pulangan semula kepada ahli-ahli seperti diskuaun keahlian dan peluang menjana pendapatan bersama ahli. Program-program bantuan perniagaan juga akan dibangunkan pada masa akan datang agar peluang perolehan pendapatan dapat dikongsi bersama oleh AWQAF dan ahli.

Pelan bagi meningkatkan hubungan komunikasi antara AWQAF dan para ahli juga telah dilaksanakan secara berperingkat melalui AWQAF Media. Laman web portal ahli yang telah dibangunkan melalui awqaf.com.my/mywaqf/, turut memudahkan pengurusan pendaftaran ahli secara atas talian, selain memangkinkan semua urusan sumbangan wakaf yuran ahli dan sumbangan wakaf tunai lainnya, termasuk sumbangan kepada tabung khas ZuriatCARE, EduWAQF dan AWQAF4Health, dapat dikendalikan di atas talian. Satu bentuk komunikasi kemaskini (update) secara berjadual melalui aplikasi Whatsapp juga terus berjalan

selain daripada kemaskini komunikasi melalui media sosial Facebook.

YAYASAN ZURIATCARE



ZuriatCARE yang bergerak aktif sejak tahun 2015, kini beroperasi secara sendiri di bawah Yayasan ZuriatCARE sejak mendapat kelulusan awal penubuhannya oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-Udang, Jabatan Perdana Menteri pada Ogos 2020. Alhamdulillah ini akan memberi lebih semangat kepada ZuriatCARE, di bawah pimpinan Pengurus iaitu Puan Alia bt. Muhammad Ali, untuk terus melaksanakan tanggungjawab sekaligus memperbanyakkan program-program dan aktiviti-aktiviti yang boleh dijalankan dan dipertanggungjawabkan bagi badan ini mengendalikan program amal fi sabillillah. Sehingga 31 Disember 2019, jumlah dana keseluruhan sumbangan ZuriatCARE adalah sebanyak RM147,567 (jumlah sehingga 31 Mei 2020 adalah RM132,747.14). Jumlah agihan dana ZuriatCARE yang telah dibuat sepanjang tahun 2019 adalah sebanyak RM24,918.00. Dana ZuriatCARE ini telah digunakan untuk memberi sumbangan dan sokongan kepada beberapa badan bukan kerajaan (NGO) yang aktif melindungi remaja wanita, terutama yang terlibat dengan masalah anak tidak sah taraf.

ZuriatCARE juga sedang memuktamadkan Modul Intervensi Rumah Perlindungan Gadis Terlibat Seks Luar Nikah iaitu satu modul yang dibangunkan dengan kerjasama kumpulan Penyelidik Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang diketuai Dr. Nasrudin Subhi. Modul ini akan digunakan oleh rumah-rumah perlindungan remaja, memberi tumpuan kepada enam aspek utama iaitu kesihatan, kesejahteraan psikologi, sokongan sosial, pendidikan dan keselamatan serta kewangan dan keusahawanan. Modul ini dilihat berupaya untuk membantu pihak yang berkepentingan khasnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan rumah-rumah perlindungan untuk melaksanakan intervensi terhadap ibu-ibu hamil luar nikah.

Sepanjang tahun 2019, ZuriatCARE telah menjalankan beberapa program bersempena dengan bulan Ramadan 1441H dan salah satunya iaitu ‘Projek Bakul Ramadan’ #selamatkan2jiwa. Projek ini bertujuan membantu meringankan beban remaja dan bayi yang memerlukan bantuan di rumah perlindungan yang terpilih. Projek ini melibatkan kutipan wang serta barang ibu dan bayi daripada orang ramai. Agenda lawatan bukan sekadar untuk menziarah dan menghulurkan bantuan serta sumbangan, tetapi juga memahami pengurusan dan operasi serta mengenal pasti kewujudan

pusat/rumah perlindungan yang sedia ada. Melalui agenda ini, sedikit sebanyak membantu ZuriatCARE dalam mendapatkan maklumat terkini mengenai permasalahan yang dihadapi oleh rumah perlindungan dan seterusnya merangka strategi dan kaedah yang dapat membantu menangani fenomena remaja hamil luar nikah dan pembuangan bayi.

ZuriatCARE juga telah berkesempatan bekerjasama dengan Malaysian Against Pornography (MAP) bagi menaja sebahagian Projek IMPRESS melalui Kempen Love Myself 2.0. Projek IMPRESS (Ibubapa Memantau Pendidikan Reproduksi, Seksual & Sosial Anak-Anak) ini merupakan ‘pilot project’ di mana ianya akan dijalankan di 3 buah negeri yang mencatat rekod tertinggi dalam kes penderaan seksual dan ketagihan internet iaitu negeri Perak, Pahang dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Golongan sasaran yang dipilih bagi pelaksanaan modul ini adalah keluarga B40 yang dipilih berdasarkan kriteria tertentu. Modul ini akan dijalankan selama 4 minggu atau 4 kali perjumpaan dengan sesebuah keluarga dan dijalankan secara selari bagi ibubapa dan anak-anak pada setiap perjumpaan.

Selain itu, ZuriatCARE sedang merancang beberapa program dan aktiviti berimpak tinggi bagi tahun 2020/21, agar mesej, maklumat dan kesedaran yang ingin disampaikan kepada golongan sasar remaja ini dapat dicapai secara maksimum. Satu program berbentuk teater sedang dirancang dan akan dipentaskan pada akhir tahun 2020. Walaubagaimanapun, disebabkan oleh pandemik COVID-19, program ini ditangguhkan pada tarikh seawal tahun 2021.

PROGRAM EduWAQF & AWQAF4Health



AWQAF melalui Tabung Wakaf Khas EduWAQF akan terus mengangkat tamadun keilmuan dengan memperkasa pelajar-pelajar dan institusi-institusi pendidikan melalui kelestarian sumber wakaf, selari dengan salah satu matlamat dan tujuan Maqasid Syariah yang telah digariskan oleh Islam iaitu pemeliharaan akal. Sehingga 31 Disember 2019, jumlah dana keseluruhan manfaat EduWAQF adalah sebanyak RM139,192.

Pihak EduWAQF telah memberi sumbangan Sekretariat Keamanan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sebanyak RM1,000, bantuan Pelajar Cemerlang sebanyak RM1,000 yang sedang menyambung pengajian di Mesir dan bantuan

Pelajar Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) sebanyak RM1,947. Bantuan AWQAF4Health juga telah disumbangkan kepada beberapa penerima kerusi roda sebanyak RM760.

INISIATIF PELABURAN BARU

Tertangguhnya inisiatif projek pembangunan Persada AWQAF Putrajaya yang telah dimaklumkan sebelum ini, membuka lebaran baru buat strategi pelaburan AWQAF. Usaha dan inisiatif AWQAF tidak akan sama sekali berhenti setakat ini dan AWQAF telah terus meneroka peluang pelaburan baru dengan beberapa projek telah pun berada di dalam pelan dan fasa perlaksanaan. Kelangsungan dan kelestarian institusi Wakaf akan lebih dinamik dengan pelaksanaan inovasi dalam menjayakan peranan sebagai instrumen pengimbang ekonomi.

CURVES MALAYSIA



Bertitik tolak daripada saranan yang diutarakan oleh Pengerusi AWQAF, Tan Sri Siti Sa'diah Sheikh Bakir bagi meneroka industri kesihatan dan kecergasan yang berjumlah RM20.5 billion di seluruh Asia Pasifik, AWQAF telah meneroka dan membuka satu francis gimnasium wanita CURVES Malaysia. Inisiatif ini bukan sahaja dilihat sebagai suatu projek pelaburan Wakaf dalam industri kesihatan dan kecergasan, tetapi ianya juga secara tidak langsung telah memberi peluang kepada para wanita di Malaysia dengan menyediakan kemudahan gimnasium patuh Syariah, berkonsepkan litar, khusus untuk wanita sahaja. Majlis perasmian pembukaan cawangan CURVES Bukit Jelutong telah diadakan pada 23 Februari 2020 dan telah dirasmikan oleh Tan Sri Siti Sa'diah Sheikh Bakir selaku Pengerusi AWQAF yang turut merupakan salah seorang ‘Curvette’ sejak April 2019.

Antara faktor yang menjadi tarikan, pelanggan hanya perlu meluangkan masa selama 30 minit sahaja untuk setiap kali sesi dan tiada had maksima yang diberikan kepada mereka untuk hadir ke gimnasium. Setiap ‘Curvette’ juga diberikan satu tag dipanggil ‘CURVES Smart’; berfungsi untuk memantau perkembangan prestasi setiap ‘Curvette’ selain daripada jurulatih yang akan turut membantu ahli untuk mencapai target individu berdasarkan analisis badan yang dijalankan di peringkat awal sebelum memulakan sesi senaman litar.

Sehingga ke hari ini, CURVES Bukit Jelutong telah mempunyai seramai 145 ahli aktif dan pihak pengurusan sedang dalam usaha merancang beberapa aktiviti dan pendekatan yang lebih strategik dalam menambah lebih ramai ahli serta mengekalkan ahli sedia ada. Dengan prestasi semasa CURVES Bukit Jelutong yang memberangsangkan, AWQAF sedang merancang untuk membuka dua lagi outlet CURVES, satu outlet pada akhir tahun 2020 dan satu lagi outlet pada pertengahan 2021 bagi mengembangkan lagi segmen perniagaan ini. Dengan pembukaan tiga outlet ini dan sasaran keahlian sebanyak 175 ahli setiap outlet, jangkaan hasil yang boleh dijana oleh AWQAF adalah sehingga RM1 juta setahun. Semoga usahasama dalam membangunkan perniagaan berkonsepkan gimnasium wanita ini membuka lebih banyak peluang baru untuk AWQAF terus mengembangkan pelaburan dalam bidang lain juga.

PENGHARGAAN & PENUTUP

LAIN-LAIN AKTIVITI PELABURAN – FOKUS PELAN STRATEGI 5 TAHUN

Barisan Ahli Lembaga Pengarah dan pengurusan AWQAF telah pun melaksanakan beberapa inisiatif pelaburan dan projek baru yang mampu memberi impak kewangan yang positif kepada AWQAF untuk lima tahun yang akan datang. Antara projek-projek pelaburan lain yang telah dilaksanakan adalah pelaburan bersama pihak USAINS Holding Sdn Bhd, anak syarikat Universiti Sains Malaysia (USM) bagi pelaburan mesin medikal bagi kegunaan Hospital USM (bahagian swasta), Kota Bharu, Kelantan, yang mana projek ini mampu menjana pendapatan yang berterusan bagi pihak AWQAF. AWQAF juga sedang menjalankan kerjasama strategik pelaburan dalam bidang kesihatan bersama pihak World Wellness Sdn Bhd yang diterajui oleh Dato' Dr. Noordin Darus; projek Hamper Premium Setulus Hati bersama DeliNur Sdn Bhd, dan kolaborasi bersama Pamari Sdn Bhd di dalam bidang pengurusan sisabuangan pepejal.

Selain itu, pihak AWQAF juga telah memulakan pelaburan di dalam harta tanah lelong yang mampu menjana pendapatan yang baik dalam masa yang singkat. Buat permulaan, AWQAF telah membeli harta tanah lelong di kawasan Cyberjaya yang mampu dijual semula bagi menjana keuntungan. Selain itu, pihak AWQAF juga sedang dalam proses bekerjasama dengan pihak Menteri Besar Negeri Sembilan (Pemerbadanan) bagi meneroka potensi membangunkan Residensi Warga Emas Premier and Pusat Penjagaan Ambulatori (Ambulatory Care Centre) yang bertempat di kawasan Port Dickson atau Bandar Sri Sendayan, Negeri Sembilan. Perkhidmatan Residensi Warga Emas Premier ini merupakan satu industri yang berpotensi besar pada masa akan datang, yang mana Malaysia sedang berdepan cabaran Negara Tua 2030.

Pihak AWQAF akan lebih agresif meneroka peluang-peluang pelaburan, menjana pendapatan dan memulakan inisiatif perniagaan baru bagi mengembangkan potensi dana wakaf yang telah dia manahkan. AWQAF sedang meneroka potensi pelaburan di dalam industri pendidikan (sekolah integrasi swasta) dan juga industri gaya hidup wanita (lifestyle) bagi mengembangkan lagi portfolio pelaburan sedia ada. Seperti yang ahli sedia maklum, salah satu ciri asas Waqaf Korporat® adalah menghimpun dan memelihara sumber (accumulate & conserve resources) yang mana ianya dilaksanakan melalui pembahagian keuntungan bersih perniagaan kepada dua bahagian; iaitu 70 peratus daripada keuntungan dilaburkan semula dan 30 peratus disalurkan kepada aktiviti fi sabillah. Dengan adanya prospek keuntungan daripada pelaburan projek-projek yang disebutkan di atas, sumber dana untuk Tabung Khas ZuriatCARE, EduWAQF dan AWQAF4Health dijangka akan meningkat, sekali gus berpotensi memperluaskan impak program fi sabillah AWQAF untuk manfaat masyarakat.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, kami merakam setinggi penghargaan khas kepada semua ahli-ahli AWQAF di atas keyakinan dan kepercayaan terhadap konsep institusi Waqaf Korporat® serta sokongan mereka terhadap institusi AWQAF. Tanpa keyakinan dan kepercayaan ahli-ahli, adalah mustahil institusi Waqaf Korporat® yang didorong oleh komuniti seperti AWQAF dapat direalisasikan sehingga mendapat pengiktirafan sewajarnya, termasuk di peringkat antarabangsa.

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada ahli-ahli lembaga pengarah yang telah banyak berjasa menyumbang idea dan kerangat khasnya Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiyah Engku Ali, En. Abdul Mohsein Mohd Shariff, Pn. Azizah Abdul Rahman, Datuk Dr. Mohd Ghazali Md. Noor, Puan Sri Noorzilah Mohammed Ali dan Setiausaha Syarikat sebelum ini, Puan Norhana Ramli, dalam memartabatkan agenda Waqaf Korporat® dan AWQAF Holdings Berhad ke peringkat yang lebih tinggi.

Untuk makluman juga, disebabkan oleh komitmen syarikat Puan Norhana Ramli, Hana Ramli & Co. melalui beberapa projek beliau di luar negara, AWQAF telah melantik Setiausaha Syarikat yang baru iaitu Virtu Management House Sdn Bhd yang diketuai oleh Puan Fattiadriati Mohd Tareh dan Puan Fatintafrina Mohd Tareh. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Puan Norhana Ramli dan syarikat beliau yang telah banyak menyumbang masa dan tenaga kepada AWQAF. Jasa dan pengorbanan beliau kepada AWQAF akan terus diingati dan dikenang kerana beliau adalah antara orang yang bertanggungjawab diawal penubuhan AWQAF Holdings Berhad.

Penghargaan juga perlu kami tujukan kepada pihak pengurusan dan warga kerja AWQAF atas dedikasi mereka terhadap usaha mengembangkan agenda Waqaf Korporat® yang diketuai oleh Ketua Pegawai Operasi, En. Ibrahim Adham Asmail. Sumbangan besar mereka telah memangkinkan AWQAF berjaya mengatasi segala cabaran, halangan dan rintangan, terutama dalam situasi ekonomi yang sangat mencabar buat masa ini. Semoga AWQAF akan terus berada di atas landasan yang tepat ke arah pencapaian

yang lebih gemilang, insya Allah.

Akhirnya setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli AWQAF di Malaysia dan Antarabangsa, di atas sumbangan, kepercayaan dan amanah yang diberikan kepada AWQAF dalam memperjuangkan Jihad Bisnes dan agenda Waqaf Korporat®. Kami yakin sokongan padu yang diberikan oleh semua ahli, juga anggota masyarakat amnya disertai irungan doa restu semua, akan memberi kekuatan dan suntikan semangat baru kepada pengurusan AWQAF untuk meneruskan perjuangan.

AWQAF akan memastikan bahawa harta wakaf yang diuruskan dapat menjana hasil dan pendapatan baru dari masa ke semasa. Hasil daripada wakaf itu diharapkan dapat terus berkembang dalam skala yang lebih besar dan dapat dimanfaatkan oleh seluruh umat Islam khasnya di Malaysia dan umumnya di seluruh dunia. Marilah kita terus bersama-sama memperjuangkan agenda Waqaf Korporat® untuk kepentingan dan kebajikan ummah. Kami akan meneruskan usaha mempromosi agenda dan kesedaran Waqaf Korporat® bagi meningkatkan lagi keahlian baru pewakaf dan menambah jumlah sumbangan Wakaf terkumpul bagi AWQAF. Semoga Allah SWT memberkati usaha AWQAF ini.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهِدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Bagi pihak Lembaga Pengarah Awqaf Holdings Bhd,


TAN SRI SITI SA'DIAH SHEIKH BAKIR
Pengerusi

MOHAMMAD SAHAR MAT DIN
Timbalan Pengerusi

TARIKH DITUBUHKAN / DATE OF INCORPORATION
03 September 2012

JENIS SYARIKAT / TYPE OF COMPANY
Syarikat Berhad Tanpa Syer / A Company Limited
by Guarantee

JENIS PERNIAGAAN / NATURE OF BUSINESS
Menguruskan Harta Wakaf dan Aktiviti Kebajikan
Managing Waqf Property and Other Charitable Activities



AWQAF HOLDINGS BERHAD (1015578-X)

ALAMAT BERDAFTAR / REGISTERED ADDRESS
Suite 21, PKNS BizPoint, No. 67A,
Jalan Plumbum P7/P Seksyen 7,
40000 Shah Alam, Selangor

WEBSITE
www.awqaf.com.my

VISI

"Menggunakan keupayaan luar biasa Waqaf Korporat® dan memanfaatkan kelestarian wakaf untuk mentransformasi ekonomi bagi membina masyarakat yang adil dan makmur."

"Bridging economic divides through Corporate Waqf's unique capability and harnessing waqf's sustainability to transform the economy and build a justice and prosperous society."

MISI

"Membina bisnes, menghimpunkan aset, menambahkan nilai dan memupuk daya keusahawanan entrepreneur bagi menjana peluang ekonomi baru dan memakmurkan masyarakat menerusi kaedah bisnes dan korporat bersumberkan dana wakaf.

Menjadi institusi Waqaf Korporat® diterajui komuniti merealisasikan matlamat Jihad Bisnes bertujuan memperkasa ekonomi masyarakat Islam memakmurkan semua."

"To build businesses, accumulate assets, add value and entrepreneurially create new economic opportunities to prosper society through waqf-funded business and corporate methods.

To become a community-driven Corporate Waqf® institution to realize the objectives of Business Jihad and economically empower the Muslim community to prosper everyone."



PENERIMAAN STATUS MUTAWALLI DARIPADA MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN RECEIVING MUTAWALLI STATUS FROM NEGERI SEMBILAN COUNCIL

“

Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Sembilan kali ke 226 yang bersidang pada 31 Mac 2015 yang lalu telah bersetuju dengan permohonan ini.
Negeri Sembilan Islamic Council at its meeting no. 226 held on 31 March 2015 has given its approval to the application by AWQAF

-25 June 2015

”

PENGASAS FOUNDER



ALLAHYARHAM TAN SRI MUHAMMAD ALI HASHIM

Merupakan Presiden Dewan Perniagaan Islam Malaysia (DPIM)(2012-2017) dan Penggerusi Awqaf Holdings Berhad(2012-2017), institusi Wakaf Korporat yang berasaskan komuniti pertama di Malaysia.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1969. Beliau dianugerahkan Doktor Kehormat dalam bidang keusahawanan, perniagaan dan pengurusan Islam dari sembilan universiti di Malaysia.

Tan Sri Muhammad Ali diiktiraf sebagai usahawan korporat yang cemerlang selepas kerjayanya selama 28 tahun sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Johor Corporation (JCorp, 1982-2010). Pada akhir perjawatannya sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, Johor Corporation diiktiraf sebagai salah satu syarikat terkemuka di Malaysia dengan lebih daripada 280 syarikat dan 65,000 pekerja. Jumlah nilai permodalan pasaran syarikat PLC dibawah JCorp pada akhir tahun 2010 adalah berjumlah RM18.1 bilion.

Kajian oleh Universiti Oxford mengenai Waqaf Korporat pada tahun 2010 menyatakan bahawa "Jihad Bisnes, Waqaf Korporat dan Intrapreneurship adalah sangat berkesan & jauh terkehadapan daripada apa yang mungkin dicapai oleh kaedah pembangunan ekonomi konvensional dan kaedah dorongan polisi yang sedia ada".

Tan Sri Muhammad Ali juga merupakan Pengasas Waqaf An-Nur Corporation Bhd (WANCORP), institusi Wakaf Korporat pertama di Malaysia yang ditubuhkan oleh JCorp pada tahun 1998. Aset wakaf WANCORP berjumlah RM250 juta, pada akhir 2014 lebih daripada dua kali ganda melebihi RM500 juta; dan menjelang akhir tahun 2015, jumlah nilai aset WANCORP telah meningkat tiga kali ganda kepada hampir RM800 juta.

Atas sumbangannya terhadap perkembangan keusahawanan dan kedudukan ekonomi masyarakat Islam, beliau menerima Anugerah Penghargaan Maal Hijrah oleh Yang di-Pertuan Agong pada 2007.

Tan Sri Muhammad Ali telah menulis empat buku, yang terbaru di bawah tajuk - "Strategi Jihad Bisnes" 2015 dan penulis bersama dalam 2 skrip pementasan drama. Antara idea-idea berani dan inovatif yang diamalkan oleh Tan Sri Muhammad Ali termasuk: Jihad Bisnes, Wakaf Korporat, Intrapreneurship atau Usahawan Amanah.

Tan Sri Muhammad Ali disenaraikan oleh Pusat Pengajian Strategik Islam Diraja Jordan, Amman sebagai salah satu daripada "500 Muslim Paling Berpengaruh di Dunia" selama dua tahun berturut-turut pada 2016 dan 2017.

Beliau telah kembali ke Rahmatullah pada 31 Oktober 2017. Al-Fatihah.

He was the President of the Malaysian Islamic Chamber of Commerce (MICC)(2012-2017) and Chairman; Awqaf Holding Berhad(2012-2017), Malaysia's first community -driven Corporate Waqf.

He graduated with a Bachelor's Degree in Economics (Hons.) from University of Malaya in 1969. He was conferred Honorary Doctorates in entrepreneurship and Islamic business and management from nine universities.

Tan Sri Muhammad Ali was recognised as an outstanding corporate entrepreneur after a successful 28-year career as CEO of Johor Corporation (JCorp, 1982-2010). At the end of his tenure as CEO, JCorp was recognised as one of Malaysia's outstanding corporations with more than 280 companies and 65,000 Group employees. Total market capitalisation value of JCorp-controlled PLC companies at end 2010 stood at RM18.1 billion

A study by Oxford University on Corporate Waqf in 2010 indicated that "Business Jihad, Corporate Waqf and intrapreneurship have been highly effective & have far exceeded what would have been likely achievable through using conventional development economic tools and known policy-driven methods".

Tan Sri Muhammad Ali was the Founder of Waqaf An-Nur Corporation Bhd, (WANCORP) Malaysia's first Corporate Waqf entity established by JCorp in 1998. WANCORP's initial waqf assets in stood at RM250 million, at end of 2014 more than doubled to exceed RM500 million and by the end of 2015, WANCORP's total asset value had tripled to almost RM800 million.

He received the Ma'al Hijrah Award from the Yang di-Pertuan Agong in 2007, upon his overall contributions to the entrepreneurship development and the economic standing of the Muslim community in Malaysia

Tan Sri Muhammad Ali has written four books, the latest under the titles- "Strategi Jihad Bisnes" (Business Jihad Strategy – 2015) and joint writer for 2 theatre plays. Among the bold and innovative ideas put into practice by Tan Sri Muhammad Ali include: Business Jihad, Corporate Waqf and Intrapreneurship or Amanah Entrepreneurship.

Tan Sri Muhammad Ali was listed by The Jordanian Royal Islamic Strategic Studies Centre, Amman as one of "The World's 500 Most Influential Muslims" for two consecutive years in 2016 and 2017.

He has passed away on 31st October 2017. Al-Fatihah.



STRUKTUR KORPORAT AWQAF AWQAF CORPORATE STRUCTURE

Struktur Ahli Lembaga Pengarah,
Jawatankuasa Eksekutif & Jawatankuasa Audit,
serta Pengurusan AWQAF

*Board of Directors, Executive Committee (EXCO),
Audit Committee & AWQAF Management Team*

AHLI LEMBAGA PENGARAH BOARD OF DIRECTORS



2

3

1

4

1 TAN SRI SITI SA'DIAH
SHEIKH BAKIR
Pengerusi / Chairman

2 TUAN HJ. MOHAMMAD
SAHAR MAT DIN
Timbalan Pengerusi
Deputy Chairman

3 ABDUL MOHSEIN
MOHD SHARIFF
Pengarah Eksekutif
Executive Director

4 PUAN AZIZAH
ABDUL RAHMAN
Pengarah Bebas
Independent Director



5

6

7

8

5 PROF. DR. ENGU RABIAH
ADAWIAH ENGU ALI
Pakar Syariah / Syariah Expert

6 DATUK DR. MOHD
GHAZALI MD NOOR
*Pengarah Bebas /
Independent Director*

7 PUAN SRI NOORZILAH
MOHAMMED ALI
*Pengarah Bebas /
Independent Director*

8 NORHANA RAMLI
*Setiausaha Syarikat /
Company Secretary*

TABIR URUS KORPORAT

CORPORATE GOVERNANCE

KELEBIHAN AWQAF DIDAFTAR SEBAGAI SYARIKAT

ADVANTAGES AWQAF BEING REGISTERED AS A COMPANY

AWQAF yang didaftarkan sebagai sebuah syarikat di bawah Akta Syarikat 2016 menerima pakai semua kaedah standard pengurusan amalan korporat terbaik terutama ketelusan dan kebertanggungjawaban.

As a company registered under Companies Act 2016, Awqaf is committed to adopt best practice and highest corporate governance standards of transparency and accountability.

MENEGAKKAN SYURA DAN MEMATUHI TADBIR URUS KORPORAT TERBAIK

CONSENSUS-BASED DECISION MAKING AND ADOPTING HIGHEST CORPORATE GOVERNANCE STANDARDS



AHLI JAWATANKUASA EKSEKUTIF

EXECUTIVE COMMITTEE MEMBERS (EXCO)

- 1** Tan Sri Siti Sa'diah Sheikh Bakir
(Pengerusi / Chairman)
- 2** Tuan Hj. Mohammad Sahar Mat Din
(Timbalan Pengerusi / Deputy Chairman)
- 3** Puan Azizah Abdul Rahman
(Pengarah Kewangan / Finance Director)
- 4** Encik Mohsein Shariff
(Pengarah Eksekutif / Executive Director)

AHLI JAWATANKUASA AUDIT

AUDIT COMMITTEE MEMBERS

- 3** Puan Azizah Abdul Rahman
(Pengerusi / Chairman)
- 4** Encik Mohsein Shariff
(Ahli Jawatankuasa / Committee Member)
- 5** Datuk Dr. Mohd Ghazali Md Noor
(Ahli Jawatankuasa / Committee Member)

AUDITOR aftaas

Messrs Afrizan Tarmili Khairul Azhar [AFTAAS/
AF:1300], 4-04-2, Presint Alami, Pusat
Perniagaan Worldwide 2, Seksyen 13, 40100
Shah Alam, Selangor.

KUMPULAN PENGURUSAN

MANAGEMENT TEAM



ABDUL MOHSEIN MOHD SHARIFF
Pengarah Eksekutif
Executive Director



IBRAHIM ADHAM ASMAIL
Ketua Pegawai Operasi
Chief Operating Officer



KHAIRUNNISA MAZLAN
Pengurus Kewangan
Account Manager



SYAMIL AFIFI MOHD NAZARI
Penolong Pengurus Operasi
Assistant Operations Manager



SHAHIRA FARHANI
Eksekutif Operasi
Operation Executive



ADLI HARITH MAHYUDIN
Eksekutif Operasi
Operation Executive





WAKAF KORPORAT CORPORATE WAQF

Pengenalan Wakaf Korporat

Introduction of Corporate Waqf

Ciri-ciri Wakaf Korporat

Features of Corporate Waqf

Model Wakaf Korporat

Corporate Waqf Model

Keahlian AWQAF

AWQAF Membership

WAQAF KORPORAT®

Satu inovasi yang mengintegrasikan institusi wakaf Islam secara langsung ke dalam sistem pembangunan ekonomi negara yang hari ini dilihat dipacu terutamanya oleh organisasi bisnes dan korporat swasta.

Matlamat jangka panjangnya ialah menyeimbangkan sistem ekonomi yang didominasi oleh korporat milik swasta, bertujuan memberi peluang kepada majoriti rakyat jelata mendapat akses dan manfaat yang saksama daripada perkembangan sektor bisnes dan korporat negara.

Waqaf Korporat® bertujuan khas untuk mengatasi kelemahan organisasi dengan memperkasakan ekonomi ummah menggunakan institusi wakaf warisan Islam. Ditubuhkan sebagai sebuah wakaf, Waqaf Korporat® boleh bertindak sebagai sebuah institusi berdasarkan komuniti atau community-driven yang menggerakkan sumber-sumber komuniti untuk menjadi peneraju utama menjayakan bisnes mapan milik komuniti.

Antara faktor-faktor kritikal yang menjadi pra-syarat kepada kejayaan Waqaf Korporat® adalah penubuhannya sebagai organisasi bermatlamatkan bisnes sepenuhnya. Struktur korporat dan sistem pengurusannya, seperti yang diamalkan oleh AWQAF, wajib mengguna-pakai amalan tadbir urus korporat terbaik, selain menentukan ia diteraju oleh eksekutif berdaya keusahawanan entrepreneur pada setiap masa.

Organisasi Waqaf Korporat® mesti beridentiti korporat dan berkuasa autonomi sepenuhnya, menjana keupayaan ekonominya sendiri, tertakluk kepada peruntukan kuasa dalam Memorandum dan Artikelnya ("M&A") dan syarat-syarat kelulusan Mutawallinya. Waqaf Korporat® adalah institusi unik yang sangat berbeza dengan yayasan atau badan amanah yang ditubuhkan oleh syarikat-syarikat milik swasta. Perbezaan paling asas ialah hakikat bahawa Waqaf Korporat® bukan dimiliki oleh mana-mana entiti swasta atau golongan eksklusif korporat tertentu.



CIRI-CIRI / FEATURES WAQAF KORPORAT®



Penubuhan Syarikat
Establishment of Corporation



Amalan Korporat Terbaik
Best Corporate Practice



Diktiraf sebagai Mutawalli
Recognition as Mutawalli



Berdaya Keusahawanan
Entrepreneurship



Diberi Kuasa Menerima Sumbangan
Authorized to Recieve Waqf Fund



Penglibatan Awam
Public Participation



Prinsip Syariah
Syariah Principles



Mengumpul & Memelihara Sumber
Accumulate & Conserve Resources



CORPORATE WAQF®

Corporate Waqaf is an innovation that integrates Islamic waqf institutions directly into this country's economic development system that is seen primarily driven by business organizations and private corporations.

Its long-term goal is to balance the economic system dominated by private-owned corporations, aiming at providing the majority of the people the opportunity to equal access and benefits from the development of the country's business and corporate sectors.

Corporate Waqaf® is meant to address the organizational weaknesses by empowering the economy of the Ummah by using one of the Islamic inheritance of waqf institutions. Established as a waqf body, Corporate Waqaf® acts as a community-driven institution that mobilizes community resources to become a successful community-owned business.

Among the critical factors that are prerequisite to the success of Corporate Waqaf®, is that its establishment is setup as a fully-fledged business organization. Its corporate structure and system of management, as practiced by AWQAF, is obligatory to adopt the best corporate governance practices,




other than to ensure it is being led by an entrepreneurial-executive at all times.


The Corporate Waqaf® organization must have a corporate identity and full autonomy to generate its own economic capabilities, subject to the power provisions stipulated in the Memorandum & Articles ("M&A") and the requirements of the Mutawalli being fulfilled. Corporate Waqaf® is a unique institution that highly differentiates itself from a 'foundation' or a 'trust body' that is established by private-owned companies. The most fundamental difference is the fact that Corporate Waqaf® is not owned by any private entities or by any specific exclusive corporate group.

MAKLUMAT KORPORAT / CORPORATE INFORMATION

MODEL WAQAF KORPORAT / CORPORATE WAQF MODEL



JUMLAH KUTIPAN TAHUNAN AWQAF / TOTAL AWQAF CONTRIBUTION





AKTIVITI PELABURAN *INVESTMENT ACTIVITIES*

Aktiviti dan kerjasama pelaburan
sepanjang tahun 2019

*Investment activities and cooperation
throughout 2019*

CURVES BUKIT JELUTONG

GIMNASIUM WANITA PERTAMA DI BUKIT JELUTONG



Lipatan peringatan resmi yang dilancarkan oleh Tan Sri Siti Sa'diah Sheikh Bakir



Majlis Perasmian Pembukaan Curves

Topik perbualan berkaitan wanita dan kesihatan tidak dapat dipisahkan. Cabaran dan kesibukan kaum Hawa dapat dilihat dalam aspek menguruskan rumah tangga di samping ada di kalangan mereka yang turut bergelar wanita bekerjaya. Bertitik tolak daripada ini, saranan yang diularkan oleh Pengurus AWQAF Holdings Berhad, Tan Sri Siti Sa'diah Sheikh Bakir untuk membuka satu lagi francis gimnasium wanita telah disambut baik oleh semua Ahli Lembaga Pengarah. Inisiatif ini bukan sahaja dilihat sebagai suatu projek pelaburan waqaf dalam industri kesihatan dan sukan tetapi ianya juga secara tidak langsung telah memberi peluang kepada para wanita di sekitar Bukit Jelutong dengan menyediakan kemudahan gimnasium khusus untuk wanita sahaja.


Majlis perasmian pembukaan cawangan Curves Bukit Jelutong telah diadakan dengan meriah sekali pada 23 Februari 2020 yang lalu. Majlis telah dirasmikan oleh Tan Sri Siti Sa'diah Sheikh Bakir selaku Pengurus AWQAF Holdings Berhad yang turut merupakan salah seorang 'Curvette' sejak April 2019. Majlis ini disenaraikan lagi dengan kehadiran tetamu jemputan iaitu Pengarah Curves Malaysia, Margaret Chin dan CEO Curves Malaysia, Alison Chin.

Mula beroperasi sejak 28 Januari 2020, Curves Bukit Jelutong mula mendapat tempat di hati penduduk di Bukit Jelutong. Hasil tinjauan mendapati rata-rata yang hadir bagi sesi temujanji bersama jurulatih dan akhirnya mendalat sebagai ahli atau lebih dikenali sebagai 'Curvette', berpuas hati dan gembira dengan gimnasium yang berkonsepkan litar ini. Antara salah satu faktor yang menjadi tarikan ramai ialah para 'Curvette' hanya perlu meluangkan masa selama 30 minit sahaja untuk setiap kali sesi dan tiada had maksima yang diberikan kepada mereka untuk hadir ke gimnasium. Setiap 'Curvette' juga diberikan satu tag dipanggil 'Curves Smart'; berfungsi untuk memantau perkembangan prestasi setiap 'Curvette' selain daripada jurulatih yang akan turut membantu ahli untuk mencapai target individu berdasarkan analisis badan yang dijalankan di peringkat awal sebelum memulakan sesi senaman litar.

Sehingga ke hari ini, Curves Bukit Jelutong telah mempunyai seramai 111 ahli aktif dan pihak pengurusan Curves Bukit Jelutong sedang dalam usaha merancang beberapa aktiviti dan pendekatan yang lebih strategik dalam menambah lebih ramai ahli serta mengekalkan ahli sedia ada. Semoga usahasama dalam membangunkan perniagaan berkonsepkan gimnasium wanita ini membuka lebih banyak peluang baru untuk AWQAF terus mengembangkan pelaburan dalam bidang lain juga.

BUKU BIOGRAFI


ALLAHYARHAM TAN SRI MUHAMMAD ALI HASHIM “PARADIGM SHIFT – GLOBAL WAQF CHAMPION”



“Jangan sekali-kali takut bertindak menentang dan mengetepikan doktrin Barat yang merosakkan dan jangan pula segan dan apoegietik mentransformasi sistem ekonomi mengikut acuan kita sendiri, berlandaskan nilai Islam.”

– Tan Sri Muhammad Ali Hashim

“
Jihad bisnes
berupaya menggembungkan tenaga total kerana berlandaskan prinsip menegak amanah Allah, mengetapkan nafsu serakah peribadi dan menuntut pengorbanan luar biasa



AWQAF bersama pihak penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM Press) sedang dalam peringkat akhir proses menerbitkan buku biografi Allahyarham Tan Sri Muhammad Ali Hashim. Buku ini ditulis oleh Professor Rokiah Talib, penulis yang cukup berpengalaman luas dalam menerbitkan buku biografi pelbagai tokoh-tokoh besar sebelum ini. Kata pengantar buku ini pula bakal dituliskan oleh beberapa individu yang rapat dengan Allahyarham seperti Tan Sri Arshad Ayub, Professor Murat Cizakca, Dr. Sami Salahat, Dato Ismail Hashim dan Tengku Ahmad Rithauddeen. Buku ini sarat dengan kupasan konsep serta idea Bisnes Jihad dan Waqaf Korporat yang selalu diperjuangkan oleh Allahyarham semasa hidupnya.



Buku biografi berbahasa Inggeris yang bertajuk “Paradigm Shift – Global Waqf Champion” ini akan merungkai kisah hidup Allahyarham sejak dari kecil sehingga beliau berjaya membawa Johor Corporation menjadi salah satu konglomerat terbesar di Malaysia. Selain itu, buku ini turut memberi penumpuan kepada pengalaman pengurusan organisasi, pengurusan perniagaan, idea dan agenda Waqaf Korporat Allahyarham. Ia juga berkisar bagaimana Allahyarham mengaplikasikan konsep berkenaan ke dalam perniagaan dan syarikat dengan tertumbuhnya Waqaf An-Nur Corporation (WANCORP) dan AWQAF Holdings Berhad.

Buku ini akan dicetak sebanyak 1,000 naskhah dan bakal dijual pada harga RM98.00 di pasaran. Pihak AWQAF akan mengeluarkan perbelanjaan awal melibatkan pencetakan, pemasaran, pelancaran, penjualan dan juga sumbangan kepada penulis dan editor. Sebanyak 20% hasil keuntungan daripada jualan buku ini pula akan dikongsi bersama keluarga Allahyarham.

Buku biografi ini bakal diterbitkan pada Oktober 2020 dan tempahan awal bagi pembelian buku ini boleh dibuat melalui pihak AWQAF.

PROJEK PEMBANGUNAN DI BANDAR SRI SENDAYAN

Beberapa siri perbincangan mengenai projek pembangunan di Bandar Sri Sendayan, Negeri Sembilan oleh AWQAF telah diadakan sepanjang tahun 2019/20. Ia adalah rancangan pembangunan hibrid yang melibatkan Pangsapuri Servis (Serviced Apartment), Kompleks Warga Emas Premier (Senior Care) dan Pusat Rawatan & Perubatan (Ambulatory Care Centre).

Lokasi tanah yang berhampiran Masjid Sri Sendayan ini menyediakan perkhidmatan pangaspuri kediaman, servis bagi segala urusan yang berkaitan dengan warga emas, perkhidmatan klinik-klinik bagi rawatan, pembebasan dan perubatan, serta lot kedai-kedai sewaan bagi pengusaha, dewan kecil serbaguna, kafeteria dan ruang pejabat sewaan.

Projek ini merupakan peluang pelaburan baru yang telah diteroka oleh AWQAF dengan lebih serius memandangkan projek Persada AWQAF Putrajaya telah pun dibatalkan atas beberapa faktor yang tidak dapat dielakkan.


Perbincangan susulan bersama pihak terbabit yang lebih menyeluruh sedang diadakan dari masa ke semasa dengan mengambil kira faktor ekonomi semasa dan lain-lain lagi.



Pusat Rawatan & Perubatan (Ambulatory Care Centre)



Kompleks Warga Emas Premier



SETULUS HATI BINGKISAN HATI BUAT YANG TERSAYANG

Setulus Hati merupakan satu pelaburan dan usahasama terbaharu AWQAF dengan perusahaan hamper dan hadiah premium; Delinur Creations. Melalui pelaburan ini, sebanyak lebih daripada 100 unit hamper premium telah berjaya dijual dengan pulangan semula keuntungan sebanyak RM5,000.00. Jualan ini menunjukkan angka yang positif memandangkan promosi iklan dibuat ketika umat Islam di Malaysia bakal menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Pakej istimewa turut diperkenalkan bersempena menghargai jasa para petugas di barisan hadapan yang telah bertarung dalam mengkawal wabak Covid-19 daripada terus menular dan ianya mendapat sambutan yang amat menggalakkan.

Pelaburan berskala kecil ini bakal diteruskan dengan mengambil kira beberapa langkah strategik yang dirasakan perlu bagi penambahbaikan dari segi kualiti dan servis penghantaran hamper kepada para pelanggan. Selain menerjana pendapatan syarikat, pelaburan ini juga dilihat sebagai satu peluang baru untuk AWQAF Holdings Berhad menambah keahlian baru sepanjang tahun disamping menyediakan servis baru kepada ahli sedia ada untuk membuat pembelian hamper dan hadiah untuk diberikan kepada insan tersayang.

THE ECOWASTE ASHER INOVASI SISTEM PENGURUSAN SISA PEPEJAL YANG HOLISTIK

Satu perjanjian telah ditandatangani oleh pihak AWQAF dan Pamarai Sdn Bhd simbolik sebagai persetujuan kerjasama untuk menjadikan AWQAF Holdings Berhad sebagai agen jualan rasmi bagi mesin ASHER Master. Pamarai Sdn Bhd merupakan pengedar tunggal kepada produk Asher Master.

AWQAF mensejarkan jualan ini kepada pelanggan yang melingkupi industri kesihatan, termasuk kepada Kementerian Kesihatan, hospital dan klinik kerajaan dan swasta, dan syarikat-syarikat yang terlibat dengan perubatan dan kesihatan.

Beberapa cadangan bagi program kesedaran alam sekitar turut dipertimbangkan seperti menjadikan Taman Tun Dr. Ismail (TTDI) Kuala Lumpur sebagai bandar pertama yang menggunakan mesin ini selaras dengan cadangan program "First Malaysian 'Zero Waste' Sustainable City". Lokasi untuk ditempatkan mesin ini masih dalam proses kenalpasti dan cadangan awal adalah supaya mesin ini ditaja oleh NAZA TTDI; selaku pihak pemaju bandar TTDI.



RX WATER PENAPIS AIR DENGAN TEKNOLOGI BAMBOO QUN

RX-Water merupakan penapis air hasil inovasi seorang doktor perubatan Islam dan bekas pesakit kanser. Dihasilkan dengan teras yang berciri-cirikan air zam-zam, ianya merupakan satu-satunya penapis air yang mewujudkan konsep siamak bagi mensucikan air selain menggabungkan fungsi 2+1 - air-fungsi-Rxwater & Rxozone.

AWQAF melihat ini suatu pelaburan baru yang menguntungkan di samping dapat mempromosikan gaya hidup yang lebih sihat dan terjamin dengan menggunakan penapis air yang halal, berminalar dan beralkali di rumah maupun pejabat.

Setakat hingga ke hari ini, sebanyak 2 unit telah berjaya dijual oleh AWQAF Holdings Berhad; 1 unit table top di Curves Bukit Jelutong dan 1 unit floor stand di Menara KPJ.



MESIN ECG HUSM PENJANAAN PENDAPATAN MELALUI WAKAF MESIN ECOCARDIOGRAPHY (ECG)

Penjanaan pendapatan melalui pelaburan mesin Ecocardiography (ECG) merupakan salah satu kerjasama antara AWQAF Holdings Berhad dan USM dalam membangunkan industri kesihatan dan perubatan. Ini juga secara tidak langsung membantu untuk mengukuhkan lagi industri wakaf perubatan di Malaysia.

Dengan mengambil aspek sebagai sebuah hospital yang menjadi hospital pengajar universiti yang menerajui bidang pembelajaran, penyelidikan dan perkhidmatan kesihatan di Malaysia, maka Hospital Universiti Sains Malaysia (USM) telah dipilih sebagai penerima mesin ini.

Mesin yang bernilai lebih RM100 ribu ringgit ini berfungsi untuk membuat imbasan dan penilaian kesihatan dan struktur jantung pesakit. Selain itu, mesin ini juga dapat membuat pengesan awal penyakit lemah jantung dan keadaan fungsi-fungsi injap jantung. Mesin ini akan ditempatkan di Wad Eksekutif HUSM bagi kegunaan pesakit yang memerlukan.

SEKOLAH INTEGRASI HOLISTIK (IHS)



WIRDORA AKSESORI TUDUNG TERKEMUKA MALAYSIA

Pihak pengurusan AWQAF telah mereroka potensi pelaburan dalam pelbagai industri termasuk industri berdasarkan gaya hidup (lifestyle). AWQAF sedang di dalam proses untuk bekerjasama dalam bisnes berjenama WIRDORA. WIRDORA adalah jenama aksesori tudung terkemuka di Malaysia, menggunakan kristal Swarovski asli yang diimport dari Austria.

WIRDORA menawarkan harga berpatutan dengan pelbagai koleksi reka bentuk untuk melengkapkan jenama tudung premium di pasaran. Pihak WIRDORA sedang merancang mengembangkan operasi perniagaan dan membawa jenama WIRDORA ke peringkat antarabangsa. WIRDORA memerlukan kilang pemasangan yang lebih besar bagi memastikan produk-produk dapat dihasilkan dengan lebih cepat dan efisien.

WIRDORA kini beroperasi di pejabat di Ampang dan mempunyai platform pasaran atas talian seperti FashionValet & Astro Go Shop. Bagi memenuhi permintaan pasaran yang semakin meningkat, WIRDORA turut memasarkan produknya di laman web e-commerce iaitu www.WIRDORA.com dan sehingga ke hari ini WIRDORA mempunyai lebih daripada 120 stokis & ejen di seluruh Malaysia, Singapura, Brunei, Indonesia & Turki untuk memenuhi pasaran luar talian.

TABUNG KEBAJIKAN AWQAF HOLDINGS BERHAD

Tabung Kebajikan di bawah AWQAF Holdings Berhad merupakan sebuah inisiatif yang berteraskan Maqasid Syariah di mana ketiga-tiga tabung ini sedaya upaya berusaha untuk menyempurnakan aspirasi Maqasid Syariah iaitu :

- hifz al-'aql (menjaga akal)
- hifz-an-nafs (menjaga nyawa)
- hifz an-nas (menjaga keturunan)

AWQAF mengambil pendekatan di mana prinsip Maqasid Syariah ini perlu diurus dan ditadbir secara baik agar iaanya dapat memenuhi keperluan manusia secara lestari serta mengelakkan sebarang kemusnahan dan kemudaratan pada ummah.



EDUWAQF

Dilancarkan oleh Y.A.B Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail pada 29 Jun 2018 bersempena Mesyuarat Agung Tahunan AWQAF kali ke-5.

Tabung ini memfokuskan agihan sumbangan kepada petajar yang kurang berkemampuan dari segi kewangan serta bekerjasama dengan pihak universiti bagi menjalankan program dan aktiviti pemberkasaan ilmu dan ketamadunan Islam.



ZURIATCARE

Tabung ZuriatCARE merupakan sebuah program tabung kebajikan pertama yang diasaskan oleh Awqaf Holdings Berhad dengan matlamat memelihara nasib ibu hamil luar nikah serta melindungi nasab yang tidak sah taraf.

Program amal ini telah bergerak aktif sejak lama dilancarkan pada 21 Jun 2015 dalam membantu remaja tersasar arah ini untuk kembali semula ke pangkuhan masyarakat.



AWQAF4HEALTH

Agihan sumbangan daripada tabung AWQAF4Health ini mula terlaksana pada awal tahun 2019 dan penerima sumbangan adalah daripada golongan yang kurang berkemampuan dari segi kewangan. Antara bentuk sumbangan yang telah pun diberikan adalah berupa alat bantuan kesihatan seperti kerusi roda.

ZURIATCARE

AWQAF Holdings Bhd telah menubuhkan Tabung ZuriatCARE dengan bermatlamat mengendalikan Program Amal

Kebajikan AWQAF yang ditujukan khas untuk menangani dan mendokong NGO islamik yang aktif di dalam program melindungi kepentingan bayi, khasnya dalam kalangan yang terbuang atau ditinggalkan ibu bapa.

AWQAF Holdings Bhd has established a Waqf Fund ZuriatCARE with goal is to manage the AWQAF's charity program and cooperate with NGOs in order to overcome the phenomenon of abandoned babies.



OBJEKTIF / OBJECTIVE



Memberi kesedaran
Create awareness



Bekerjasama dengan NGOs
Cooperation with NGOs



Mengatasi gejala
pembuangan bayi
Overcome the phenomenon
of abandoned babies

JAWATANKUASA TABUNG WAKAF ZURIATCARE / ZURIATCARE COMMITTEE



- 1 Puan Alia Muhammad Ali
(Pengerusi / Chairman)
- 2 Encik Abdul Mohsein Mohd Shariff
(Timbalan Pengerusi / Deputy Chairman)
- 3 Cik Shahira Farhani Khairillah Hasyim
(Eksekutif Setiausaha / Secretary Executive)
- 4 Cik Khairunnisa Mazlan
(Eksekutif Akaun / Account Executive)
- 5 Puan Amy Nadzlina Mohamed
(Ahli Jawatankuasa / Committee)

Sumbangan kepada Tabung Zuriat CARE adalah dialu-alukan.
Sumbangan boleh dibuat kepada AWQAF HOLDINGS BERHAD melalui Akaun Semasa Bank Islam (BIMB) 1601 80100 22853. Untuk maklumat lanjut sila layari www.awqaf.com.my

Contributions to ZuriatCARE are welcomed and can be made to AWQAF HOLDINGS BERHAD through Bank Islam Current Account (BIMB) 1601 80100 22853


For more information, visit www.awqaf.com.my

PENUBUHAN YAYASAN ZURIATCARE

Sejak pelancaran tabung ZuriatCARE pada 21 Jun 2015, ZuriatCARE telah bergerak aktif membantu rumah perlindungan dan NGO yang berkaitan dalam menangani isu pembuangan bayi dan remaja hamil luar nikah. Berbekalkan misi dan objektif yang jelas, pihak AWQAF Holding Berhad telah pun mencadangkan agar sebuah yayasan ditubuhkan khusus untuk ZuriatCARE agar kelak ZuriatCARE dapat bergerak dengan lebih proaktif dan kehadapan dalam mendepani masalah ini.

Justeru, usaha bagi memperbadankan Yayasan ZuriatCARE telah mula dibuat pada Julai 2019. Biarpun masa yang diambil sedikit lama atas faktor proses semakan dan pindaan dokumen, pertukaran pimpinan kerajaan serta ditambah pula dengan pandemik wabak Covid-19 yang melanda negara kita, akhirnya pada 6 Ogos 2020 Bahagian Hal Ehwel Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri telah mengeluarkan surat kelulusan awal terhadap permohonan pemerbadanan Yayasan ZuriatCARE.

Penubuhan Yayasan ZuriatCARE ini diharap dapat memperkuatkan lagi jentera dan gerak kerja ZuriatCARE seterusnya menjadi pemangkin dalam menangani kemelut permasalahan yang makin membarah dalam kalangan masyarakat di Malaysia ini.



Rujuk: Lembaga Undang-Undang Negara
Perlepasan: 6 Ogos 2020

Perlepasan Amalan
Yayasan ZuriatCARE
Alor Setar, Jalan Gerenti U3/24
Bukit Ulu¹
D'Batu Sikk Jelking
40150 Shah Alam
SELANGOR
(W.P.: Puan Shafira Perhadi Siti Khurshah Hasyim)

Puan:

PERLEPASAN KELULUSAN AWAL TERHADAP PERMOHONAN PEMERBADANAN YAYASAN ZURIATCARE DI BAWAH AKTA PEMERBADANAN (Pemerbadanan) 1952 (AKTA 292)

Dengan segala hormatnya berkenaan diatas dituliskan.

S.E. Dangkurniawati Idris, Persekutuan Undang-Undang, RHEU telah menyerah amalan ini perlepasan pada 6 Ogos 2020 bertemu dengan ketentuan dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam Akta 292 dan berdasarkan Surat Ketua Amalan yang telah dibantang oleh Pengasas dan Penyayang Anak-anak sebelum ditulis sekitar RM113 kepada setiap set. Kerjasama puas (tidak untuk memperbaiki dokumen) antara sistem kerajaan 7 hari sejak tarikh surat ini untuk friduan segeraya. Selain itu, bantangan juga diberikan mengikut surat supaya set puas membuat tempoh penilaian copi ordene.

Sabah terima kasih.

"BERKHABAR UNTUK NEGARA"

Bekerjaya menjalankan amalan.

HODI MOHD EZZATI BINI ISMAIL
Panting Pengasas (Dewan)
Dp. Ketua Pengarah
Rahmat dan Pengurusan Undang-Undang
Jabatan Perdana Menteri

(This certificate is issued under the authority mentioned)

MODUL INTERVENSI RUMAH PERLINDUNGAN

Isu pembuangan bayi dan remaja hamil luar nikah ini bukan lagi sesuatu yang asing dalam masyarakat kita. Saban hari pasti ada sahaja kes baharu yang muncul di media massa dan statistik yang dicatatkan juga kian membimbangkan. Justeru, atas keprihatinan menangani masalah ini, ZuriatCARE dengan kerjasama kumpulan penyelidik dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi (UKM) telah mengambil inisiatif untuk menjalankan satu kajian penyelidikan dan membentuk satu modul khusus untuk remaja terlibat yang bertajuk **Modul Intervensi Rumah Perlindungan Gadis Terlibat Seks Luar Nikah**.

Modul ini dirangka berdasarkan hasil penyelidikan dan dapatan responden yang tinggal di rumah perlindungan wanita. Kajian mendapati sehingga ke hari ini, masih belum ada satu garis panduan di setiap rumah perlindungan sama ada rumah perlindungan itu berdaftar atau tidak berdaftar. Oleh itu, modul ini dihasilkan agar pendidikan serta kemahiran yang diterapkan kepada pelatih di rumah perlindungan ini lebih bersifat holistik dan dapat memberi kesan dan impak positif kepada pelatih agar kelak mereka dapat kembali semula ke pangkuhan masyarakat tanpa adanya stigma negatif. Modul ini turut memberi penekanan tentang kesedaran dan nilai-nilai rohani berdasarkan ajaran Islam yang sebenar.

Modul Intervensi ZuriatCARE - UKM ini bakal siap sepenuhnya pada Disember 2020 dan diharap dapat dijadikan garis panduan dan digunakan oleh semua rumah perlindungan wanita di seluruh Malaysia.



KEJAM & NGERI



Tompukan darah bongkar rahsia

Mayat bayi lelaki dalam pam tandas

BERITAHARIAN.COM 10 JULY 2020

Jasad bayi depan masjid

■ Jemaaah terkejut temui bungkusan mayat tepi pagar jam 5.30 pagi

pertama kali mereka mengunjungi masjid. Kemudian mereka melaporkan kepolisian dan menemui pengurus masjid yang turun tangan untuk membantu.

"Kami sampaikan kepada pengurus masjid agar berhati-hati dan selalu waspada terhadap perkembangan situasi," katanya.

"Selain itu, pengurus masjid juga diminta untuk terus memberi edukasi tentang pentingnya menjaga lingkungan bersih, terutama di sekitar bangunan."

Balikpapan - BeritaKini.com - Setidaknya ada 652 bayi yang dibuang di seluruh negeri setiap bulan.

Pada Januari 2020, jumlahnya ber-

jumlah 652 bayi yang dibuang di seluruh negeri setiap bulan.

BH
Berita Harian

Tandas, loji kumbahan tempat buang bayi

DEMAU PEMERIKSA BAYI BAUD LAIR HATI BUNAK DI LAMPU KERAS



Lagi mayat bayi ditemui
Sadis & Kejam



TIDAK BERPERIKEMANUSIAAN



Buang bayi dalam lubang tandas



Adakah ini anak MERDEKA? atau anak Tahun Baru?

"Lindungi Nasab Pelihara Nasib"

Zeriat CARE

KES PEMBUANGAN BAYI BAGAI TIADA NOKHTAH



Sudah tiduri 30 lelaki kenalan fb

KLASIK 2



“Sudah membeli waduk dan bermainan, apa masih jadi komplikasi setiap kali krisbi yang ada berlatih, bagi dia belum dia punya anak”

Tangani isu remaja hamil luar nikah

REMAJA BAWAH UMUR MENGANDUNG ANAK LUAR NIKAH

300
REMAJA
HAMIL
LUAR NIKAH
SETIAP BULAN

3/10

REMAJA BAWAH UMUR MENGANDUNG ANAK

LUAR NIKAH

SUSPEK KES ROGOL ADALAH TEMAN LELAKI/KENALAN

FAKTA

77%


DIREKODKAN
652 BAYI
DIBUANG

Jun 2020

2015



6 ANAK
LUAR NIKAH LAHIR
DALAM SEJAM



AKTIVITI TAHUNAN ANNUAL ACTIVITIES

AWQAF
ZuriatCARE
EduWAQF
Awqaf4Health



Januari 2019, Putrajaya - Sesi perkongsian mengenai Waqaf Korporat bersama Wanita PERKIM Cawangan An-Nida' Putrajaya



Jun 2019, Bangi - Sesi perkongsian mengenai Waqaf Korporat bersama Koperasi Penduduk Bandar Baru Bangi



Ogos 2019, Selangor - Sesi perkongsian Waqaf Korporat dalam Usrah Gabungan Wadah Selangor Selatan



Ogos 2019, Putrajaya - Sesi perkongsian mengenai Waqaf Korporat bersama Yayasan Kebajikan Negara di Pejabat Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat



Mei 2019, Selangor - Sesi perkongsian mengenai Waqaf Korporat bersama PIBG SK Sijangkang



September 2019, Negeri Sembilan - Jerayawara bersama WorldWellness di Negeri Sembilan



Jun 2019, Bangi - Majlis Tandatangan Memorandum Persefahaman AWQAF Holdings Berhad dengan pihak syarikat WorldWellness (gambar kiri) dan syarikat Pamarai Sdn Bhd (gambar kanan)



Jun 2019, Bangi - Majlis Tandatangan Memorandum Persefahaman AWQAF Holdings Berhad dengan pihak USAINS



Februari 2020, Sepang - Bantuan kewangan (one-off) sebanyak RM 1,914.00 kepada Cik Sharifah Sofea binti Kamal Bahrin melanjurkan pengajian di Maahad Integrasi Tahf Iz Selangor (MITS) Bagan Lalang, Sepang.



Jun 2019, Bangi - Penyerahan sumbangan dua buah kerusi roda daripada Tabung Waqf4Health kepada wakil daripada Tabung Warisan Khas Kesihatan



Jun 2019, Bangi - Majlis Tandatangan Perjanjian Persefahaman di antara AWQAF Holdings Berhad (ZuriatCARE) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi Modul Intervensi Gadis Terlibas Seks Luar Nikah. Modul ini dijangka siap pada Julai 2020.



Jun 2019, Bangi - Penyerahan sumbangan daripada Tabung ZuriatCARE kepada dua buah rumah perlindungan wanita di Johor iaitu Baitus Solehah dan Sinar Hijrah. Setiap rumah perlindungan menerima sumbangan sebanyak RM1,000.00.



Mei 2019, Ampang - Sesi penyerahan sumbangan Bakul Ramadan dan ziarah rumah perlindungan wanita.
(Gambar dari kiri : Rumah Bonda, Rumah KITA, Bayt Ar-Rahmah)



Mei 2019, Selangor - Sesi penyerahan sumbangan Bakul Ramadan dan ziarah rumah perlindungan wanita.
(Gambar dari kiri : Rumah Puteri Arafiah di Shah Alam dan Nur Hati di Ampang)



Julai 2019, Selangor - Sesi ziarah dan penyerahan sumbangan tabung ZuriatCARE kepada rumah perlindungan wanita di Johor.
Gambar kiri : Rumah Pelindungan Sinar Hijrah
Gambar kanan atas : Baitus Solehah



Oktober 2019, Bangi - ZuriatCARE menjadi salah satu NGO jemputan bagi Program Insan Budiman anjuran Fakulti Sains, Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)



LAPORAN KEWANGAN FINANCIAL REPORT

Laporan lengkap kewangan
AWQAF Holdings Berhad
Complete financial report
AWQAF Holdings Berhad

aftaas®

AWQAF HOLDINGS BERHAD

No. Syarikat: 1015578-X
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

Laporan dan Penyata Kewangan
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019



Parker Randall®

No. Syarikat: 1015578-X

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadanan di Malaysia)

**LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

Isi Kandungan	Muka Surat
Maklumat Korporat	
Laporan Lembaga Pengarah	1
Penyata Lembaga Pengarah	5
Pengisytiharan Berkanun	6
Laporan Juruaudit Bebas	7
Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain	11
Penyata Kedudukan Kewangan	12
Penyata Perubahan Dana	13
Penyata Aliran Tunai	15
Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan	16

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadanan di Malaysia)

MAKLUMAT KORPORAT

Lembaga Pengarah	: Tan Sri Datin Paduka Siti Sa'diah Binti Sheikh Bakir Mohammad Sahar Bin Mat Din Puan Sri Noorzilah Binti Mohammed Ali Datuk Dr. Mohd Ghazali Bin Md Noor Prof. Dr. Eg Rabiah Adawiah Binti Engku Ali Azizah Binti Abdul Rahman Abdul Mohsein Bin Mohd Shariff
Setiausaha Syarikat	: Norhana Binti Ramli (f) (BC/N/1815)
Pejabat Berdaftar	: No. 3, Astanaz Kristal Court Jalan Kristal 7/67B Seksyen 7 40000 Shah Alam Selangor
Lokasi Utama Perniagaan	: Suite 21, PKNS BizPoint No 67B, Tingkat 1 Jalan Plumbum P/7P Seksyen 7 40000 Shah Alam Selangor
Juruaudit	: Afrizan Tarmili Khairul Azhar (AF : 1300) 4-04-2, Presint Alami Pusat Perniagaan Worldwide 2 Seksyen 13 40100 Shah Alam, Selangor
Bank - bank utama	: Bank Islam (M) Berhad MBSB Bank Berhad

No. Syarikat: 1015578-X

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah **AWQAF HOLDINGS BERHAD** dengan suacitanya membentangkan laporan dan penyata kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.

AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Syarikat adalah untuk memperoleh, mengurus atau membangun harta, aset, tanah atau apa-apa sumbangan wakaf lain dengan bertujuan memenuhi keperluan agama, kebajikan, dan pendidikan untuk manfaat masyarakat Islam.

Tiada perubahan ketara dalam aktiviti-aktiviti utama dalam tempoh tahun berakhir.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	RM
Kurangan tahun semasa	<u>3,953,692</u>

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada pindahan penting kepada atau daripada rizab dan peruntukan sepanjang tahun kewangan selain daripada yang telah didedahkan di dalam penyata kewangan.

LEMBAGA PENGARAH

Para pengarah yang berkhidmat sejak tarikh laporan yang lepas sehingga tarikh laporan ini ialah:-

Tan Sri Datin Paduka Siti Sa'diah Binti Sheikh Bakir
Mohammad Sahar Bin Mat Din
Puan Sri Noorzilah Binti Mohammed Ali
Datuk Dr. Mohd Ghazali Bin Md Noor
Prof. Dr. Eg Rabiah Adawiah Binti Engku Ali
Azizah Binti Abdul Rahman
Abdul Mohsein Bin Mohd Shariff

Syarikat ini merupakan sebuah syarikat berhad dengan jaminan tanpa syer dan oleh itu ianya tidak mempunyai saham di mana Pengarah-pengarah boleh mempunyai sebarang kepentingan.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

MANFAAT PENGARAH

Sepanjang dan pada akhir tahun kewangan, tiada perjanjian yang melibatkan Syarikat bagi tujuan atau dengan tujuan-tujuan yang membolehkan Pengarah-pengarah Syarikat memperolehi faedah melalui pemilikan saham-saham atau debentur di dalam Syarikat atau dalam badan-badan korporat yang lain.

Semenjak akhir tahun kewangan yang lalu, tiada Pengarah yang menerima atau yang layak untuk menerima sebarang faedah berdasarkan kontrak yang dibuat oleh Syarikat dengan Pengarah atau dengan firma di mana Pengarah berkennaan merupakan ahli, atau dengan Syarikat lain di mana Pengarah mempunyai kepentingan kewangan.

INDEMNITI PENGARAH, PEGAWAI ATAU JURUAUDIT

Tiada indemniti yang telah diberikan atau premium insurans yang dibayar, semasa atau sejak akhir tahun kewangan, untuk mana-mana individu yang pernah menjadi Pengarah, pegawai atau juruaudit syarikat.

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN

Sebelum penyata kedudukan kewangan dan penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain Syarikat disediakan, Pengarah-pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memastikan bahawa:-

- (a) semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskira dan peruntukan/elaun secukupnya telah dibuat terhadap hutang ragu/kemerosotan nilai, dan
- (b) semua aset semasa yang tidak mungkin direalisasikan melalui urusan perniagaan biasa pada nilainya seperti yang ditunjukkan di dalam rekod perakaunan Syarikat telah dikurangkan nilainya kepada amaun yang disyorkan boleh direalisasikan.

Pada tarikh laporan ini, Pengarah-pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan:-

- (a) yang akan mengakibatkan jumlah yang dihapuskira bagi peruntukan hutang lapuk atau jumlah bagi peruntukan hutang ragu di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi pada sebarang kadar yang ketara; dan
- (b) yang akan mengakibatkan nilai aset semasa yang ditunjukkan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan; dan
- (c) yang akan mengakibatkan kaedah penilaian aset dan liabiliti yang digunakan oleh Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai.

Tiada liabiliti luarjangka atau lain-lain liabiliti yang telah dikuatkuasakan atau akan dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan, di mana pada pendapat Lembaga Pengarah, akan atau mungkin menjelaskan keupayaan Kumpulan dan Syarikat untuk memenuhi kewajipan bila tiba masanya.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

MAKLUMAT- MAKLUMAT BERKANUN LAIN (SAMB.)

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:-

- a) sebarang harta Syarikat yang telah dicagar pada akhir tahun kewangan ini dan telah menjadi sandaran bagi tanggungan-tanggungan pihak lain, atau
- b) sebarang tanggungan luarjangka yang berhubung dengan Syarikat sejak akhir tahun kewangan ini.

Tiada tanggungan luarjangka atau tanggungan-tanggungan lain bagi Syarikat yang akan berkuatkuasa, atau mungkin akan berkuatkuasa dalam tempoh dua belas bulan sejak akhir tahun kewangan ini yang, pada pendapat Pengarah-pengarah, akan atau mungkin akan memberi kesan yang mendalam kepada keupayaan Syarikat untuk menuaikan tanggungjawabnya apabila sampai tempohnya kelak.

Pada pendapat Pengarah-pengarah, penghasilan dari operasi Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 tidak dipengaruhi secara ketara oleh sebarang perkara, urusniaga atau kejadian yang penting dan luar biasa berlaku dalam tempoh di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini.

GANJARAN JURUAUDIT

Jumlah amaun yang perlu dibayar atau boleh diterima oleh juruaudit sebagai ganjaran terhadap perkhidmatan sebagai juruaudit adalah seperti berikut:-

	RM
Audit berkanun	<u>4,500</u>

No. Syarikat: 1015578-X

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

JURUAUDIT

Juruaudit, **TETUAN AFRIZAN TARMILI KHAIRUL AZHAR**, telah menyatakan kesanggupan mereka menerima pelantikan semula.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi Pengarah-pengarah,



TAN SRI DATIN PADUKA SITI SA'DIAH BINTI SHEIKH BAKIR
Pengarah



MOHAMMAD SAHAR BIN MAT DIN
Pengarah

Shah Alam, Selangor

Tarikh : **13 AUG 2020**


No. Syarikat: 1015578-X

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA LEMBAGA PENGARAH
MENURUT SEKSYEN 251(2) AKTA SYARIKAT 2016**

Kami, **TAN SRI DATIN PADUKA SITI SA'DIAH BINTI SHEIKH BAKIR** dan **MOHAMMAD SAHAR BIN MAT DIN**, selaku dua daripada Pengarah-pengarah **AWQAF HOLDINGS BERHAD**, dengan ini menyatakan, Pengarah-pengarah berpendapat bahawa penyata kewangan telah disediakan dengan sempurna mengikut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia, Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa dan Peruntukan Akta Syarikat 2016, untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2019 dan prestasi dan aliran tunai kewangan Syarikat untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi Pengarah-pengarah,



TAN SRI DATIN PADUKA SITI SA'DIAH BINTI SHEIKH BAKIR
Pengarah



MOHAMMAD SAHAR BIN MAT DIN
Pengarah

Shah Alam, Selangor

Tarikh : **13 AUG 2020**

No. Syarikat: 1015578-X

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

**PENGISYIHKARAN BERKANUN
MENURUT SEKSYEN 251(1)(B) AKTA SYARIKAT 2016**

Saya, **AZIZAH BINTI ABDUL RAHMAN**, Pengarah yang bertanggungjawab di atas pengurusan kewangan dan rekod perakaunan **AWQAF HOLDINGS BERHAD**, dengan ikhlas mengaku bahawa penyata kewangan yang disertakan mengenai kedudukan dan penyata pendapatan, aliran tunai dan perubahan dana, adalah, pada pendapat saya, betul dan saya membuat pengakuan ini dengan sesungguhnya mempercayai bahawa ianya benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh penama di }
atas **AZIZAH BINTI ABDUL RAHMAN** di }
Shah Alam, Selangor pada **13 AUG 2020** }



AZIZAH BINTI ABDUL RAHMAN

Di hadapan saya,



Pesuruhjaya Sumpah, Jalan Pahat H 15/H,
Dataran Otomobil, Seksyen 15,
40200 Shah Alam, Selangor.

Shah Alam, Selangor



No. Syarikat: 1015578 - X

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI AWQAF HOLDINGS BERHAD

(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan AWQAF HOLDINGS BERHAD, yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2019, penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain, penyata perubahan dana dan penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk satu ringkasan dasar perakaunan yang penting dan nota-nota lain, seperti yang dibentangkan pada muka surat 11 hingga 42.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang disediakan memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2019, dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia, Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat, 2016 di Malaysia.

Asas Pendapat

Kami telah menjalankan pengauditan kami mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian-piawaian berkenaan telah diuraikan dengan lebih lanjut di bawah perenggan *Tanggungjawab Juruaudit terhadap Penyata Kewangan* dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti-bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk memberikan asas yang munasabah bagi pendapat kami.


Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Kami adalah bebas dan berkecuali daripada Syarikat ini selaras dengan *Undang-Undang Kecil (Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan)* Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk *Kod Etika Profesional Akauntan* ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain mengikut undang-undang kecil dan Kod IESBA.

Maklumat Lain Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit

Lembaga pengarah Syarikat bertanggungjawab ke atas maklumat yang lain. Maklumat lain terdiri daripada maklumat yang dimasukkan dalam laporan pengarah, tetapi tidak termasuk penyata kewangan Syarikat dan laporan juruaudit.

Member of Parker Randall International



No. Syarikat: 1015578 - X

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI
AWQAF HOLDINGS BERHAD (SAMB.)**
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

Maklumat Lain Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit (Samb.)

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Syarikat tidak merangkumi maklumat lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Sehubungan dengan pengauditan kami ke atas penyata kewangan Syarikat, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat yang lain dan dengan berbuat demikian, kami dapat mempertimbangkan sama ada maklumat lain tersebut tidak konsisten secara ketara dengan penyata kewangan Syarikat mahupun pengetahuan yang kami perolehi semasa pengauditan atau kesalahan yang ketara.

Jika berdasarkan kerja yang telah kami jalankan seumpamanya, dapat kami membuat kesimpulan bahawa terdapat kesalahan ketara di dalam maklumat lain, kami dikehendaki untuk melaporkannya. Kami tidak mempunyai apa-apa penemuan untuk dilaporkan di dalam hal ini.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah terhadap Penyata Kewangan


Lembaga pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Syarikat yang memberikan gambaran yang benar dan saksama menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia, Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa dan peruntukan Akta Syarikat, 2016 di Malaysia. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalam mengikuti keperluan bagi penyediaan penyata kewangan Syarikat yang bebas daripada kesalahan yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Syarikat, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Syarikat untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan dan juga mendedahkan mengenai perkara-perkara yang berkaitan serta menggunakan asas perakaunan untuk usaha berterusan melainkan jika pengarah berhasrat untuk membubarkan Syarikat atau untuk menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik tetapi untuk berbuat demikian.

Tanggungjawab Juruaudit terhadap Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Syarikat secara keseluruhannya adalah bebas daripada kesalahan yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan suatu laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan kesalahan yang ketara apabila ia berlaku. Kesalahan ketara boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap penting sama ada secara individu atau secara terkumpul, ia boleh dijangkakan dengan munasabah dan boleh mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang diambil berdasarkan penyata kewangan ini.

Member of Parker Randall International



No. Syarikat: 1015578 - X

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI
AWQAF HOLDINGS BERHAD (SAMB.)**
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)


Tanggungjawab Juruaudit terhadap Penyata Kewangan (Samb.)

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional di seluruh audit. Kami juga:-

- Mengenal pasti dan menilai risiko kesalahan ketara dalam penyata kewangan Syarikat, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit bersesuaian dengan risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk memberikan asas yang munasabah terhadap pendapat kami. Risiko untuk tidak mengesan kesalahan ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan secara sengaja, gambaran yang salah, atau melangkau kawalan dalaman.
- Mendapatkan pemahaman dalam kawalan dalaman yang relevan terhadap audit bagi tujuan merangka prosedur yang bersesuaian, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Syarikat.
- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kewajaran anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah.
- Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh pengarah, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian yang berkaitan dengan peristiwa-peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan terhadap keupayaan syarikat untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian wujud, kami dikehendaki untuk melaporkan dalam laporan juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan di dalam penyata kewangan Syarikat atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami dibuat berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan boleh menyebabkan Syarikat untuk berhenti daripada terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan.
- Menilai keseluruhan pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan Syarikat, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan mewakili urus niaga dan peristiwa dalam cara yang mencapai pembentangan saksama.

Kami berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah mengenai, antara lain, skop yang dirancang dan masa pengauditan dan penemuan penting, termasuk apa-apa kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa audit kami.

Member of Parker Randall International





No.Syarikat: 1015578-X

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI
AWQAF HOLDINGS BERHAD (SAMB.)**
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

Perkara-Perkara Lain

Laporan ini disediakan untuk ahli-ahli Syarikat, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 266, Akta Syarikat 2016 di Malaysia dan tidak untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.


AFRIZAN TARMILI KHAIKUL AZHAR
AF: 1300
Akauntan Bertauliah (Malaysia)

HJ TAMILI DULAH KUSNI
1735/01/2022 (J)
Akauntan Bertauliah
Rakan Kongsi

Shah Alam, Selangor

Tarikh: **13 AUG 2020**

Member of Parker Randall International



AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

	Nota	2019 RM	2018 RM
<u>Operasi yang berjalan:</u>			
Hasil	5	98	1,700
Lain - lain pendapatan		145,382	265,800
Perbelanjaan pentadbiran dan operasi		(481,726)	(601,221)
Perbelanjaan lain		(27,678)	(102,868)
Kurangan daripada operasi yang berjalan	6	(363,924)	(436,589)
<u>Operasi yang diberhentikan:</u>			
Kerugian daripada pelupusan kos pembangunan Persada AWQAF		(3,394,165)	-
Kos kewangan		(195,603)	-
Kurangan sebelum cukai		(3,953,692)	(436,589)
Cukai	7	-	-
Kurangan tahun semasa/Kerugian komprehensif bagi tahun berakhir		(3,953,692)	(436,589)

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan

AWQAF HOLDINGS BERHAD
 (Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
 (Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2019

	Nota	2019 RM	2018 RM Pelarasan Semula
ASET			
Aset bukan semasa			
Peralatan	8	484,221	3,070
Kos pembangunan	9	-	3,439,165
Jumlah aset bukan semasa		<u>484,221</u>	<u>3,442,235</u>
Aset semasa			
Penghutang dan deposit	10	290,158	11,048,868
Aset sewa beli	11	274,050	-
Pemegang amanah	12	2,267,125	3,758,854
Tunai dan kesetaraan tunai	13	<u>8,382,041</u>	<u>977,105</u>
Jumlah aset semasa		<u>11,213,374</u>	<u>15,784,827</u>
Jumlah aset		<u>11,697,595</u>	<u>19,227,062</u>
EKUITI DAN LIABILITI			
Ekuiti			
Modal wakaf korporat	14	12,591,469	12,475,098
Kurangan terkumpul		(6,145,279)	(2,191,587)
Jumlah ekuiti		<u>6,446,190</u>	<u>10,283,511</u>
Liabiliti bukan semasa			
Jumlah ter hutang kepada pengarah		-	2,050,000
Liabiliti semasa			
Pembiutan dan pendahuluan	15	<u>5,251,405</u>	<u>6,893,551</u>
Jumlah liabiliti		<u>5,251,405</u>	<u>8,943,551</u>
Jumlah ekuiti dan liabiliti		<u>11,697,595</u>	<u>19,227,062</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA PERUBAHAN DANA
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

Nota	Tidak boleh diagihkan		Boleh diagihkan	
	Modal dana wakaf korporat	Kurangan terkumpul		Jumlah
	RM	RM	RM	RM
Pada 1 Januari 2018		4,449,185	(1,811,140)	2,638,045
Pelarasan semula	19	-	56,142	56,142
Seperti dinyatakan semula		4,449,185	(1,754,998)	2,694,187
Kurangan tahun semasa		-	(436,589)	(436,589)
Penerimaan dana		8,025,913	-	8,025,913
Pada 31 Disember 2018		<u>12,475,098</u>	<u>(2,191,587)</u>	<u>10,283,511</u>
Pada 1 Januari 2019		12,475,098	(2,191,587)	10,283,511
Kurangan tahun semasa		-	(3,953,692)	(3,953,692)
Penerimaan dana		116,371	-	116,371
Pada 31 Disember 2019		<u>12,591,469</u>	<u>(6,145,279)</u>	<u>6,446,190</u>

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA DANA TABUNG
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

	Tabung ZuriatCare RM	Tabung EduWaqf RM	Tabung AWQAF4Health RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2018	115,893	-	-	115,893
Penerimaan Dana				
Sumbangan	128,490	5,000	-	133,490
Hibah Bank	-	67,520	-	67,520
Agihan Dana	(77,333)	(25,535)	-	(102,868)
Pada 31 Disember 2018	167,050	46,985	-	214,035
Pada 1 Januari 2019	167,050	46,985		214,035
Penerimaan dana				
Sumbangan	5,177	20	-	5,197
Hasil Jualan Amal	258	-	1,145	1,403
Hibah Bank	-	94,187	-	94,187
Agihan dana	(24,918)	(2,000)	(760)	(27,678)
Pada 31 Disember 2019	147,567	139,192	385	287,144

AWQAF HOLDINGS BERHAD
 (Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
 (Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA ALIRAN TUNAI
 BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

	Nota	2019 RM	2018 RM
Aliran tunai daripada aktiviti operasi			
Kurangan sebelum cukai		(3,953,692)	(436,589)
<i>Pelarasan untuk:</i>			
Pelarasan Persada AWQAF		3,394,165	-
Susutnilai peralatan		1,551	3,473
Hibah diterima		<u>(131,935)</u>	<u>(74,116)</u>
Kerugian operasi sebelum perubahan dalam modal kerja		(689,911)	(507,232)
<i>Perubahan dalam modal kerja:</i>			
Penghutang dan deposit		10,753,485	(2,168,660)
Pemegang amanah		1,491,729	481,890
Pemiutang dan pendahuluan		<u>(1,714,725)</u>	<u>(5,185,451)</u>
Kos pembangunan		<u>45,000</u>	<u>(180,000)</u>
Tunai digunakan dalam aktiviti operasi		9,885,578	(7,559,453)
Hibah diterima		<u>125,689</u>	<u>74,116</u>
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti operasi		<u>10,011,267</u>	<u>(7,485,337)</u>
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan			
Pembelian aset tetap dan peralatan		(482,702)	(1,839)
Pembelian aset sewa beli		<u>(190,000)</u>	<u>-</u>
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan		<u>(672,702)</u>	<u>(1,839)</u>
Aliran tunai daripada penerimaan dana wakaf dan pembiayaan			
Penerimaan dana wakaf		116,371	8,025,913
Pembayaran pinjaman dana wakaf dan pembiayaan		<u>(2,050,000)</u>	<u>-</u>
Tunai bersih diperolehi daripada aktiviti pembiayaan		<u>(1,933,629)</u>	<u>8,025,913</u>
Lebihan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai			
Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari		7,404,936	538,737
Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember	13	<u>977,105</u>	<u>438,368</u>
		<u>8,382,041</u>	<u>977,105</u>

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

1. MAKLUMAT KORPORAT

Objektif Syarikat adalah untuk membangunkan bisnes, menghimpun aset, menambah nilai dan memupuk daya keusahawanan generasi baru, menjana peluang ekonomi baru, memakmurkan masyarakat dan negara menerusi kaedah bisnes dan korporat bersumberkan dana wakaf. Ianya bertujuan menjadi sebuah institusi wakaf korporat untuk merealisasikan matlamat jihad bisnes.

Syarikat ini diperbadankan dan diuruskan di Malaysia sebagai sebuah syarikat berhad dengan jaminan, tanpa modal saham.

Aktiviti-aktiviti utama adalah untuk memperoleh, mengurus, atau membangun harta, aset, tanah atau apa-apa sumbangan wakaf bertujuan memenuhi keperluan agama, kebajikan, pendidikan untuk manfaat masyarakat Islam. Tiada perubahan ketara dalam aktiviti-aktiviti utama dalam tempoh tahun berakhir.

Pejabat berdaftar adalah No 3 Astanaz Kristal Court, Jalan Kristal 7/67B, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor dan lokasi utama perniagaan terletak di Suite 21, PKNS BizPoint, No 67B, Tingkat 1, Jalan Plumbum P/7P, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Dasar Penyediaan Penyata Kewangan

Penyata kewangan Syarikat telah disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat, 2016 di Malaysia.

(b) Pendapatan

Yuran pendaftaran

Yuran pendaftaran diiktiraf atas dasar akruan,

(c) Belanja Cukai

Cukai ke atas keuntungan atau kerugian tahun semasa mengandungi cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai pendapatan diiktiraf di dalam penyata pendapatan kecuali berkaitan dengan perkara-perkara yang diiktiraf terus dalam ekuiti di mana cukai berkenaan akan diiktiraf di dalam ekuiti.

Cukai semasa adalah cukai yang dijangka akan dibayar ke atas pendapatan boleh cukai pada tahun semasa, berdasarkan kadar cukai diwartakan atau sebahagian besarnya diwartakan pada tarikh kunci kira-kira, dan sebarang pelarasan kepada cukai dibayar yang berkaitan dengan tahun-tahun terdahulu.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMB.)**

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(c) Belanja Cukai (Samb.)

Cukai tertunda diperuntukkan dengan menggunakan kaedah liabiliti atas perbezaan sementara yang terhasil di antara asas cukai harta dan tanggungan dan nilai bawaannya di dalam penyata kewangan. Perbezaan sementara tidak diiktiraf bagi muhibah yang tidak dibenarkan bagi tujuan percukaian, dan pada permulaan pengiktirafan harta atau tanggungan di mana pada masa transaksi ianya tidak mempengaruhi keuntungan akaun dan keuntungan boleh dikenakan cukai. Jumlah cukai tertunda yang diperuntukkan adalah berdasarkan kepada jangkaan cara realisasi atau penyelesaian bagi nilai bawaan harta dan tanggungan, menggunakan kadar cukai diwartakan atau sebahagian besarnya diwartakan pada tarikh kunci kira-kira.

Tanggungan cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dikenakan cukai.

Harta cukai tertunda diiktiraf hanya pada masa ianya berkemungkinan keuntungan boleh dikenakan cukai di masa hadapan boleh diperolehi dimana harta cukai tertunda boleh digunakan.

(d) Hartanah, Loji dan Peralatan

(i) Pengiktirafan dan Ukuran

Loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai.

Kos termasuk semua perbelanjaan yang terlibat secara langsung dalam pembelian aset dan sebarang kos lain yang secara langsung digunakan agar aset dapat berfungsi untuk tujuan penggunaannya, dan kos untuk membuka dan menanggalkan peralatan ini dan kos pemulihan tapak di mana loji dan peralatan ditempatkan.

Kos aset yang dibina sendiri termasuk kos bahan dan pekerja langsung dan untuk aset yang bersamaan, kos pinjaman dijadikan sebagai kos aset tetap mengikut prinsip-prinsip perakaunan Syarikat. Perisian yang dibeli untuk membolehkan kelengkapan berkaitan dapat dijadikan sebagai sebahagian daripada kos peralatan tersebut.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMB.)**

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(d) Hartanah, Loji dan Peralatan (Samb.)

(ii) Susutnilai

Susutnilai diiktiraf dalam penyata pendapatan atas dasar garis lurus di sepanjang anggaran jangka hayat berguna setiap bahagian sesebuah butiran harta, loji dan peralatan. Tanah pegangan bebas tidak disusut nilai. Hartanah, loji dan peralatan dalam proses pembinaan tidak disusut nilai sehingga aset-aset tersebut sedia untuk digunakan.

Anggaran hayat gunaan untuk tempoh semasa dan perbandingan adalah seperti yang berikut:

Komputer dan perisian	33.3%
Peralatan pejabat	20%
Asset tidak ketara	20%
Mesin dan peralatan	20%
Pengubahsuaian	10%
Perabot dan kelengkapan	15%

Kaedah susutnilai, hayat gunaan dan nilai baki dinilai semula pada akhir tempoh kewangan.

(e) Kos Pembangunan Hartanah

Tanah di mana pembangunan telah bermula dan dijangka siap dalam tempoh kitaran operasi biasa termasuk dalam kos pembangunan harta. Kos pembangunan harta meliputi kos berkaitan dengan pengambilalihan tanah dan semua kos berkait secara langsung dengan aktiviti pembangunan atau yang boleh diperuntukkan atas dasar munasabah kepada aktiviti-aktiviti ini.

Hasil pembangunan harta diiktiraf bagi semua unit yang dijual menggunakan kaedah peratusan siap, dengan merujuk kepada peringkat penyiapan projek-projek pembangunan harta pada tarikh kira-kira seperti yang diukur oleh nisbah kos pembangunan yang ditanggung bagi kerja yang dilakukan hingga kini kepada anggaran jumlah kos pembangunan harta yang dianggarkan telah siap.

Kerugian yang dijangka ke atas pembangunan harta disediakan nilai sepenuhnya. Di mana pendapatan diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif melebihi bil kepada pembeli, baki ditunjukkan sebagai bil terakru dalam penghutang lain, deposit dan bayaran terdahulu. Apabila bayaran kepada pembeli melebihi pendapatan yang diiktiraf dalam penyata pendapatan, baki ditunjukkan sebagai tuntutan akruan di bawah pemutang dan akruan lain.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMB.)**

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(f) Rosot Nilai Aset

Hartanah, loji dan peralatan dan aset-aset bukan semasa yang lain, termasuk aset yang tidak nyata disemak untuk sebarang kerugian kemerosotan nilai setiap kali berlaku perubahan dalam keadaan yang menyatakan nilai terbawa mungkin tidak dapat diperolehi semula. Kerugian kemerosotan nilai diiktiraf mengikut nilai terbawa oleh aset yang melebihi amaun yang boleh diperoleh semula. Amaun yang boleh diperoleh semula merupakan nilai yang lebih tinggi diantara nilai jualan bersih aset dan nilai aset yang diguna. Untuk tujuan menilai kemerosotan nilai, aset dikumpulkan di tahap paling bawah dimana terdapat pengasingan aliran tunai yang boleh dikenalpasti.

Kerugian kemerosotan nilai dicaj ke penyata pendapatan melainkan ia menterbalikkan penilaian semula yang terdahulu yang telah dicaj ke lebihan penilaian semula. Selepas itu, sebarang penambahan didalam amaun yang boleh diperolehi semula diiktiraf di dalam penyata pendapatan melainkan ia menterbalikkan kerugian kemerosotan nilai keatas aset yang telah dinilai yang diletakkan dalam lebihan penilaian semula.

(g) Aset Yang Diperolehi Di bawah Peraturan Pajakan Kewangan

Kos harta tanah, loji dan peralatan yang diperoleh berdasarkan pengaturan pajakan kewangan yang memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan kepada Syarikat dikapitalisasi. Dasar susut nilai aset ini serupa dengan polisi susut nilai harta tanah, loji dan peralatan Syarikat. Kewajipan tertunggak di bawah pengaturan pajakan kewangan setelah menolak perbelanjaan kewangan dimasukkan sebagai liabiliti dalam penyata kewangan.

Caj kewangan atas pengaturan pajakan kewangan diperuntukkan ke penyata pendapatan sepanjang tempoh perjanjian masing-masing.

(h) Aset kewangan

Dasar perakaunan yang diguna pakai mulai 1 Januari 2019

(a) Pengklasifikasian

Dari 1 Januari 2019, Kumpulan mengklasifikasikan aset kewangannya berdasarkan kategori-kategori berikut;

- Yang akan diukur-semula pada nilai saksama (sama ada melalui pendapatan komprehensif lain atau melalui untung atau rugi); dan
- Yang akan diukur-semula pada kos yang dilunaskan

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMB.)**

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(h) Aset kewangan (samb.)

Dasar perakaunan yang diguna pakai mulai 1 Januari 2019 (Samb.)

(b) Pengiktirafan dan penyahiktirafan

Pembelian dan penjualan aset tetap yang biasa diiktiraf pada tarikh dagangan, iaitu tarikh di mana Kumpulan membeli atau menjual aset tersebut. Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan telah tamat tempoh atau telah dipindahkan dan Kumpulan telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan.

(c) Pengukuran

Pada pengiktirafan awal, Kumpulan mengukur aset kewangan pada nilai saksama ditambah, dalam hal aset kewangan tidak pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian ('FVTPL'), kos transaksi yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan aset kewangan. Kos transaksi aset kewangan FVTPL dibelanjakan dalam penyata pendapatan.

Aset kewangan dengan derivatif terbenam dipertimbangkan secara keseluruhan di dalam menentukan sama ada aliran tunai mereka adalah semata-mata terdiri daripada pembayaran prinsipal dan faedah sahaja ('SPPI').

Instrumen hutang

Pengukuran susulan bagi instrumen hutang bergantung kepada model perniagaan Syarikat dan Kumpulan dalam menguruskan aset dan ciri-ciri aliran tunai aset-aset tersebut. Kumpulan mengklasifikasikan pelaburan hutang apabila dan hanya apabila model perniagaannya untuk menguruskan aset tersebut berubah.

Terdapat tiga kategori ukuran di mana Kumpulan mengklasifikasikan instrumen hutangnya:-

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMB.)**

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(h) Aset kewangan (samb.)

Dasar perakaunan yang digunakan mulai 1 Januari 2019 (Samb.)

(c) Pengukuran (samb.)

Instrumen hutang (samb.)

(i) Kod yang dilunaskan

Tunai dan dana jangka pendek, jumlah terutang kepada rakan niaga, aset pembiayaan Islam, aset gadai janji/aset gadai janji Islam dan aset sewa beli Islam yang dipegang untuk pengumpulan aliran tunai kontrak di mana aliran tunai tersebut mewakili SPPI diukur pada kos yang dilunaskan. Pendapatan faedah dari aset kewangan ini dimasukkan ke dalam penyata pendapatan menggunakan kaedah kadar faedah efektif. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penyahiktirafan diiktiraf secara langsung dalam penyata pendapatan dan dibentangkan dalam keuntungan/(kerugian) lain bersama dengan keuntungan dan kerugian pertukaran asing. Kerugian kemerosotan nilai dibentangkan sebagai item baris berasingan dalam penyata pendapatan.

(ii) Nilai saksama melalui pendapatan komprehensif yang lain ('FVOCI')

Aset kewangan yang dipegang untuk tujuan pengumpulan aliran tunai kontrak dan perdagangan aset kewangan, di mana aliran tunai aset mewakili SPPI, diukur pada FVOCI. Pergerakan dalam jumlah bawaan diambil melalui pendapatan komprehensif yang lain, kecuali pengiktirafan keuntungan atau kerugian akibat penjejasan, pendapatan faedah dan keuntungan dan kerugian pertukaran asing yang diiktiraf dalam penyata pendapatan. Apabila aset kewangan tidak diiktiraf, keuntungan atau kerugian terkumpul sebelum ini diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain diklasifikasi semula daripada ekuiti kepada penyata pendapatan dan diiktiraf dalam keuntungan/(kerugian) lain.

Pendapatan faedah daripada aset kewangan ini dimasukkan ke dalam pendapatan faedah menggunakan kaedah kadar faedah berkesan. Keuntungan dan kerugian pertukaran asing dibentangkan dalam keuntungan/(kerugian) lain dan sebarang kerugian kemerosotan nilai akan dibentangkan secara berasingan di dalam penyata pendapatan.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMB.)**

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(h) Aset kewangan (samb.)

Dasar perakaunan yang diguna pakai mulai 1 Januari 2019 (Samb.)

(c) Pengukuran (samb.)

Instrumen hutang (samb.)

(iii) Nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian ("FVTPL")

Aset-aset yang tidak memenuhi kriteria pengukuran kos pelunasan atau FVOCI diukur pada FVTPL. Kumpulan dan Syarikat juga boleh menetapkan aset kewangan secara tidak boleh ditarik balik di FVTPL, sekiranya ia mengurangkan atau menghapuskan ketidakpadanan yang dicipta oleh aset dan liabiliti yang diukur pada asas yang berlainan. Perubahan nilai saksama akan diiktiraf dalam penyata pendapatan dan dibentangkan pada nilai bersih dalam keuntungan/(kerugian) lain dalam tempoh sama.

Instrumen ekuiti

Kumpulan kemudiannya mengukur semua pelaburan ekuiti pada nilai saksama. Di mana pengurusan Kumpulan telah memilih untuk membentangkan keuntungan dan kerugian nilai saksama ke atas pelaburan ekuiti dalam pendapatan komprehensif lain, tiada pengkelasan semula keuntungan dan kerugian nilai saksama kepada penyata pendapatan berikutnya penyahiktirafan pelaburan tersebut. Dividen daripada pelaburan sedemikian terus diiktiraf dalam penyata pendapatan sebagai pendapatan lain apabila hak Kumpulan untuk menerima pembayaran ditubuhkan.

Perubahan nilai saksama aset kewangan FVTPL diiktiraf pada keuntungan/(kerugian) lain di dalam penyata pendapatan komprehensif.

(d) Dasar perakaunan yang diguna pakai mulai 1 Januari 2019

Kumpulan menilai kerugian kredit yang dijangka ('ECL') berdasarkan jangkaan masa hadapan berkaitan dengan instrumen yang dinilai pada kos yang dilunaskan atau FVOCI. Metodologi penjejasan yang digunakan bergantung kepada sama ada terdapat peningkatan risiko kredit yang ketara. Sebarang kerugian yang timbul daripada peningkatan risiko kredit yang ketara akan menyebabkan pengurangan dalam jumlah aset yang dibawa dan pengiktirafan jumlah kerugian dalam penyata pendapatan.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMB.)**

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(h) Aset kewangan (samb.)

Dasar perakaunan yang diguna pakai mulai 1 Januari 2019 (Samb.)

(d) Dasar perakaunan yang diguna pakai mulai 1 Januari 2019 (Samb.)

Kumpulan mempunyai lima aset kewangannya yang tertakluk kepada model ECL:-

- Jumlah ter hutang daripada rakan niaga dan aset pembiayaan Islam;
- Aset gadai janji/aset gadai janji Islam dan aset sewa beli Islam;
- Aset kewangan FVOCI;
- Instrumen pasaran wang; dan
- Kontrak jaminan kewangan

Walaupun tunai dan bersamaan tunai juga tertakluk kepada keperluan penjejasan di bawah MFRS 9, kerugian kemerosotan nilai yang dikenalpasti adalah tidak ketara.

ECL mewakili anggaran wajaran kebarangkalian bagi perbezaan nilai semasa aliran tunai berdasarkan kontrak dengan nilai semasa aliran tunai yang dijangkakan akan diterima oleh Kumpulan sepanjang hayat instrumen kewangan.

Pengukuran ECL mencerminkan:-

- jumlah yang tidak berat sebelah dan anggaran wajaran kebarangkalian yang ditentukan dengan menilai pelbagai kemungkinan;
- nilai masa wang; dan
- maklumat yang munasabah dan boleh dipercayai tanpa kos atau usaha yang tidak wajar pada tarikh penyata kewangan ini berkaitan dengan peristiwa masa lalu, keadaan semasa dan ramalan keadaan ekonomi masa hadapan.

Pendekatan

Pada setiap tarikh penyata kewangan, Kumpulan dan Syarikat akan mengukur ECL berdasarkan peruntukan kemerosotan nilai pada jumlah yang bersamaan dengan 12 bulan ECL sekiranya risiko kredit ke atas instrumen kewangan atau sekumpulan instrumen kewangan tidak meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal. Bagi semua instrumen kewangan lain, peruntukan kemerosotan nilai pada jumlah yang bersamaan dengan ECL seumur hidup diperlukan. Nota 3 menetapkan butiran ukuran ECL.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMB.)**

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(h) **Aset kewangan (samb.)**

(d) Dasar perakaunan yang digunakan mulai 1 Januari 2019 (Samb.)

Peningkatan ketara dalam risiko kredit

Kumpulan dan Syarikat mempertimbangkan kebarangkalian untuk mungkir atas pengiktirafan awal aset dan sama ada terdapat peningkatan risiko kredit yang ketara secara berterusan pada setiap tempoh laporan. Untuk menilai sama ada terdapat peningkatan risiko kredit yang ketara, Kumpulan membandingkan risiko untuk mungkir yang berlaku ke atas aset pada tarikh penyata kewangan dengan risiko kegagalan pada tarikh pengiktirafan awal. Ia mempertimbangkan maklumat-maklumat yang berpandangan ke hadapan yang munasabah dan boleh dipercayai.

Petunjuk-petunjuk berikut telah diterimakan:-

- penarafan kredit dalaman
- penarafan kredit luar (yang boleh diperolehi)
- perubahan negatif dalam keadaan perniagaan, kewangan atau ekonomi yang ketara, sama ada yang nyata ataupun yang dijangkakan, yang boleh menyebabkan perubahan kepada keupayaan rakan niaga untuk memenuhi kewajipan-kewajipannya
- perubahan nyata atau jangkaan yang ketara dalam keputusan operasi rakan niaga
- perubahan yang ketara dalam risiko kredit instrumen-instrumen kewangan lain milik rakan niaga
- perubahan yang ketara dalam prestasi dan tingkah laku rakan niaga, termasuk perubahan dalam status pembayaran rakan niaga dalam kumpulan dan perubahan dalam keputusan operasi rakan niaga.

Maklumat makroekonomi (seperti kadar faedah pasaran atau kadar pertumbuhan) dimasukkan sebagai sebahagian daripada model penarafan dalaman.

Tanpa mengira analisis di atas, peningkatan risiko kredit yang ketara telah diandaikan sekiranya penghutang telah melebihi tempoh 30 hari dalam membuat pembayaran kontraktual.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMB.)**

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(h) Aset kewangan (samb.)

(d) Dasar perakaunan yang digunakan mulai 1 Januari 2019 (Samb.)

Definisi aset kewangan yang mungkir dan berisiko kredit

Kumpulan dan Syarikat mentakrifkan instrumen kewangan sebagai mungkir, sejajar dengan definisi berisiko kredit, apabila ia memenuhi satu atau lebih daripada kriteria berikut:

Kriteria kuantitatif:

Kumpulan dan Syarikat mentakrifkan sesebuah aset kewangan sebagai mungkir sekiranya rakan niaga gagal membuat pembayaran kontraktual dalam tempoh 90 hari dari tarikh pembayaran.

Penghutang memenuhi syarat-syarat ketidak sediaan untuk membayar, yang menunjukkan bahawa penghutang berada dalam kesulitan kewangan yang ketara. Kumpulan dan Syarikat mempertimbangkan contoh-contoh berikut:

- penghutang melanggar perjanjian kewangan
- pertimbangan telah dibuat oleh pemberi pinjaman yang berkaitan dengan kesulitan kewangan penghutang
- penghutang berkemungkinan akan memasuki situasi bankrups atau penyusunan semula kewangan lain
- penghutang tidak mampu membuat pembayaran.

Instrumen kewangan yang berisiko kredit dinilai secara individu.

Bagi tujuan pengukuran ECL, aset gadai janji/aset gadai janji Islam dan aset sewa beli Islam telah diklasifikasikan sebagai satu kumpulan berdasarkan ciri risiko kredit bersama dan kumpulan lampau tempohnya. Aset gadai janji/aset gadai janji Islam dan aset sewa beli Islam aset gadai janji/aset gadai janji Islam dan aset sewa beli Islam mempunyai ciri-ciri risiko yang sama dan Kumpulan dan Syarikat membuat kesimpulan bahawa aset-aset ini akan dinilai secara kolektif. Aset kewangan FVOCI dan instrumen-instrumen kewangan yang berisiko kredit akan dinilai secara individu.

Jumlah ter hutang daripada rakan niaga, aset pembiayaan Islam dan instrumen-instrumen hutang yang mungkir atau berisiko kredit akan dinilai secara individu.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMB.)**

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(h) Aset kewangan (samb.)

(e) Dasar perakaunan yang digunakan mulai 31 Disember 2019

(i) Aset yang dibawa pada kos yang dilunaskan

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Kumpulan akan menilai sama ada terdapat bukti nyata bahawa sesuatu aset kewangan atau kumpulan aset kewangan terjejas. Sesuatu aset kewangan atau kumpulan aset kewangan yang terjejas dan mengalami kerugian penjejasan ditanggung jika, dan hanya jika, terdapat bukti penjejasan yang nyata akibat daripada satu atau lebih peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal terhadap aset tersebut ("peristiwa kerugian") dan peristiwa (atau peristiwa-peristiwa) kerugian tersebut mempunyai kesan terhadap anggaran aliran tunai bagi aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan tersebut di masa depan yang boleh dianggarkan dengan pasti.

Jumlah kerugian diukur sebagai perbezaan antara nilai bawa aset dan nilai semasa bagi anggaran aliran tunai masa depan (tidak termasuk kerugian kredit masa depan yang belum ditanggung) yang didiskaun pada kadar faedah efektif asal aset kewangan itu. Nilai bawa aset tersebut dikurangkan dan jumlah kerugian diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

Sekiranya dalam tempoh berikutnya jumlah kerugian penjejasan berkurangan dan pengurangan tersebut boleh dikaitkan secara nyata dengan peristiwa yang berlaku selepas penjejasan diiktiraf (seperti penambahbaikan dalam penarafan kredit pengutang), kerugian penjejasan yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan dengan melaraskan akaun peruntukan. Jumlah yang dibalikkan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Apabila pinjaman tidak dapat dikutip, ia akan dihapus kira terhadap peruntukan bagi kerugian kemerosotan nilai yang berkaitan. Pinjaman tersebut dihapus kira selepas semua prosedur yang perlu diambil telah selesai dan jumlah kerugian telah ditetapkan. Pemulihan berikutnya bagi jumlah dahulunya dihapus kira akan diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMB.)**

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(h) Aset kewangan (samb.)

- (e) Dasar perakaunan yang digunakan mulai 31 Disember 2019 (Samb.)
(ii) Aset diklasifikasikan sebagai sedia untuk dijual ("AFS")

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Kumpulan akan menilai sama ada terdapat bukti yang nyata bahawa sesuatu aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan telah terjejas. Jika wujud bukti yang sedemikian, kerugian terkumpul, yang diukur sebagai perbezaan antara kos pemerolehan dan nilai saksama semasa, ditolak sebarang kerugian penjejasan terhadap aset kewangan yang telah diiktiraf sebelumnya ini, dikeluarkan daripada ekuiti dan diiktiraf dalam penyata pendapatan. Jika, dalam tempoh berikutnya, nilai saksama instrumen hutang yang diklasifikasikan sebagai sekuriti pelaburan AFS meningkat dan peningkatan tersebut boleh dikaitkan secara nyata dengan peristiwa yang berlaku selepas kerugian penjejasan diiktiraf dalam penyata pendapatan, kerugian penjejasan akan dibalikkan melalui penyata pendapatan.

Aset bukan kewangan

Aset yang mempunyai jangkahayat penggunaan yang tidak terbatas tidak tertakluk kepada pelunasan dan diuji setiap tahun untuk penjejasan. Aset yang tertakluk kepada susut nilai atau pelunasan dikaji semula untuk penjejasan apabila setiap peristiwa atau perubahan keadaan menunjukkan bahawa nilai bawaan tidak dapat diperolehi semula. Kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi jumlah yang mana jumlah bawaan aset melebihi jumlah boleh diperolehi semula.

Jumlah boleh diperoleh semula adalah jumlah yang lebih tinggi di antara nilai saksama aset ditolak kos untuk menjual dengan nilai aset yang digunakan. Kerugian penurunan nilai diiktiraf kepada penyata pendapatan, melainkan jika ia membalikkan penilaian semula sebelumnya di mana ia diiktiraf kepada lebihan penilaian semula. Mana-mana peningkatan seterusnya dalam jumlah yang boleh diperolehi semula diiktiraf dalam penyata pendapatan.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMB.)**

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(i) Penghutang

Penghutang dibawa pada nilai yang dijangka boleh direalisasi. Hutang lopuk dihapus kira dalam tahun ia dikenalpasti. Anggaran dibuat bagi hutang rugu berdasarkan semakan amaun tertunggak pada akhir tahun kewangan ini.

(j) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada wang tunai di tangan, baki dan deposit di institusi kewangan berlesen dan pelaburan berkecairan tinggi yang mempunyai risiko rendah untuk berubah nilai dengan tempoh matang yang asal diantara 3 bulan atau kurang dan digunakan oleh Syarikat untuk menguruskan penglibatan jangka pendek. Bagi tujuan penyediaan penyata aliran tunai, tunai dan bersamaan tunai dinyatakan bersih dari deposit yang dicagarkan.

(k) Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan adalah dikelaskan mengikut bahan dalam perjanjian kontrak yang dimeterai dan definisi liabiliti kewangan.

Liabiliti kewangan, dalam skop MFRS 9, diiktiraf dalam penyata kewangan apabila, dan hanya apabila, Kumpulan dan Syarikat menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan. Liabiliti kewangan diklasifikasikan sebagai liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi atau liabiliti kewangan lain.

(l) Liabiliti Kewangan pada 'Nilai Saksama Menerusi Keuntungan atau Kerugian'.

Liabiliti kewangan dikelaskan pada 'nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian' apabila liabiliti kewangan adalah sama ada 'dipegang untuk dagangan', atau pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan ditetapkan pada 'nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian',

Liabiliti kewangan dipegang untuk dagangan termasuk derivatif yang dimasukkan oleh Kumpulan dan Syarikat yang tidak menepati kriteria perakaunan lindung. Liabiliti derivatif pada awalnya diukur pada nilai saksama dan kemudian dinyatakan pada nilai saksama, dengan sebarang keuntungan atau kerugian terhasil diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Keuntungan atau kerugian bersih atas derivatif termasuk perbezaan pertukaran matawang asing.

Kumpulan dan Syarikat tidak memperuntukan sebarang liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMB.)**

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(k) Liabiliti Kewangan (samb.)

(ii) Lain-lain liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan Kumpulan dan Syarikat termasuklah pembiayaan perdagangan, lain-lain pembiayaan dan pinjaman.

Pembiayaan perdagangan dan lain-lain pembiayaan diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama dicampur dengan kos urusniaga berkaitan secara langsung dan kemudianya dinilai pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedah efektif.

Pinjaman diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama, kos urusniaga bersih dan selepas itu dinilai pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedah efektif. Pinjaman diklasifikasikan sebagai liabiliti semasa kecuali kumpulan mempunyai hak tidak bersyarat untuk menunda pelangsaian liabiliti untuk sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tarikh pelaporan.

Untuk lain-lain liabiliti kewangan, keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam penyata untung atau rugi apabila liabiliti dinyahiktiraf, dan menerusi proses pelunasan.

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi di bawah liabiliti dilupuskan. Apabila liabiliti kewangan semasa digantikan dengan yang lain dari peminjam yang sama dengan terma-terma berbeza yang ketara, atau terma-terma liabiliti semasa diubah suai secara ketara, pertukaran atau pengubahauan tersebut dianggap sebagai penyah iktirafan liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti baru, dan perbezaan dalam nilai bawaan masing-masing diambilkira dalam untung atau rugi.

(iii) Kos pinjaman

Kos pinjaman dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kos aset yang layak jika mereka secara langsung terlibat dengan pengambilalihan, pembinaan atau pengeluaran aset itu. Permodalan kos pinjaman bermula apabila aktiviti untuk menyediakan aset untuk tujuan kegunaan atau dijual dalam kemajuan dan perbelanjaan dan kos pinjaman yang ditanggung berlaku. Kos pinjaman dipermodalkan sehingga aset siap untuk digunakan atau dijual.

Semua kos pinjaman lain diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh ia ditanggung. Kos pinjaman yang terdiri daripada faedah dan kos lain yang ditanggung oleh Kumpulan dan Syarikat berhubung dengan pinjaman dana.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMB.)**

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(l) Pemutang

Pemutang dinyatakan pada jangka masa awal dan seterusnya pada kos. Pemutang diiktiraf apabila wujudnya tanggungan untuk membayar tunai atau harta kewangan yang lain kepada entiti lain.

(m) Peruntukan

Peruntukan dibuat apabila Syarikat mempunyai tanggungan semasa (perundangan atau konstruktif) akibat daripada peristiwa lepas, apabila terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut, dan apabila anggaran yang pasti jumlahnya boleh dibuat.

Peruntukan diukur pada anggaran terbaik Pengarah-pengarah bagi perbelanjaan yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi pada tarikh kunci kira-kira, dan didiskaunkan kepada nilai semasa di mana kesannya adalah ketara.

Pada setiap tarikh kunci kira-kira, peruntukan akan disemak semula oleh Pengarah-pengarah dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Peruntukan dibalikkan jika ia tidak lagi berkemungkinan bahawa Syarikat akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

(n) Ukuran Nilai Saksama

Nilai saksama aset atau liabiliti, kecuali untuk pembayaran yang berasaskan saham dan urus niaga pajakan, ditentukan sebagai harga yang akan diterima untuk menjual aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urus niaga yang teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran ini menganggap bahawa urus niaga untuk menjual aset itu atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada di pasaran utama atau dalam ketiadaan pasaran utama, dalam pasaran yang paling menguntungkan.

Bagi aset bukan kewangan, ukuran nilai saksama mengambil kira keupayaan peserta pasaran untuk menjana manfaat ekonomi dengan menggunakan aset tersebut dalam penggunaan sebaik dan sepenuhnya atau dengan menjualnya kepada kumpulan peserta pasaran lain yang akan menggunakan aset tersebut dalam penggunaan sebaik dan sepenuhnya.

Apabila mengukur nilai saksama aset atau liabiliti, pihak Syarikat menggunakan data pasaran boleh diperhatikan sejauh mungkin. Nilai saksama adalah dikategorikan kepada peringkat yang berbeza dalam hirarki nilai saksama berdasarkan penggunaan input dalam teknik penilaian seperti berikut:

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMB.)**

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(n) Ukuran Nilai Saksama (samb.)

Peringkat 1 : Harga yang disebut harga (tidak terlaras) di pasaran aktif untuk aset-aset atau liabiliti-liabiliti yang serupa dimana Syarikat boleh mengakses pada tarikh pengukuran.

Peringkat 2 : Input selain daripada harga yang disebut harga yang terangkum dalam Peringkat 1 yang mana boleh dipantau bagi aset atau liabiliti, samada secara langsung atau tidak langsung.

Peringkat 3 : Input bagi aset atau liabiliti yang bukan berasaskan data pasaran yang boleh dipantau (input tidak boleh dipantau).

Pihak syarikat mengiktiraf pemindahan antara peringkat hirarki nilai saksama pada tarikh peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang menyebabkan permindahan.

(o) Manfaat kepada pekerja

(i) Manfaat Pekerja Jangka Pendek

Upah, gaji, cuti tahunan berbayar, bonus dan manfaat kewangan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan Syarikat.

(ii) Pelan Caruman Tetap

Syarikat dikehendaki oleh undang-undang untuk membuat caruman bulanan kepada Kumpulan Wang Simpanan ("KWSP"), sebuah pelan caruman berkanun yang ditetapkan untuk semua pekerja mereka yang layak berdasarkan kadar yang telah ditentukan daripada pekerja-pekerja yang bersara.

Sumbangan Syarikat kepada dana dicaj kepada penyata pendapatan dalam tahun kewangan yang mana ia berkaitan. Apabila caruman telah dibayar, Syarikat tidak mempunyai obligasi pembayaran selanjutnya.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMB.)**

3. PINDAAN DAN TAFSIRAN KEPADA PIWAIAN MFRS

MFRSs, tafsiran dan pindaan yang berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2019

- MFRS 9, *Instrumen Kewangan* (2014)
- MFRS 15, *Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan*
- Penjelasan kepada MFRS 15, *Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan*
- Tafsiran IC 22, Transaksi Mata Wang Asing dan Pertimbangan Awal
- Pindaan ke atas MFRS 1, Pengaplikasian Pertama Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRS 2014-2016)
- Pindaan ke atas MFRS 2, Pembayaran berdasarkan Saham – Klasifikasi dan Pengukuran Transaksi Pembayaran berdasarkan Saham
- Pindaan ke atas MFRS 4, Kontrak Insurans – menggunakan MFRS 9 Instrumen Kewangan dengan MFRS 4 Kontrak Insurens
- Pindaan ke atas MFRS 128, Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usahasama (Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRS 2014-2016)
- Pindaan ke atas MFRS 140, Harta Pelaburan – Pemindahan Harta Pelaburan

Penggunaan tafsiran dan pindaan piawaian MFRS di atas tidak memberi kesan ketara terhadap Penyata Kewangan Syarikat.

MFRSs, tafsiran dan pindaan yang berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2019

- MFRS 16, Pajakan
- Tafsiran IC 23, Ketidakpastian mengenai Rawatan Cukai Pendapatan
- Pindaan ke atas MFRS 9, Instrumen Kewangan – Ciri-ciri Pra-bayaran Pampasan Negatif
- Pindaan ke atas MFRS 3, Kombinasi Perniagaan (Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRS 2015-2017)
- Pindaan ke atas MFRS 11, Persetujuansama (Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRS 2015-2017)
- Pindaan ke atas MFRS 112, Cukai Pendapatan (Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRS 2015-2017)
- Pindaan ke atas MFRS 112, Faedah Pekerja (*Pelan Pindaan, Pemendekan atau Penyelesaian*)
- Pindaan ke atas MFRS 123, Kos Pinjaman (Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRS 2015-2017)
- Pindaan ke atas MFRS 128, Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usahasama – Faedah Jangka Panjang dalam Syarikat Bersekutu dan Usahasama

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMB.)**

3. PINDAAN DAN TAFSIRAN KEPADA PIAWAIAN MFRS (SAMB.)

MFRSs, tafsiran dan pindaan yang berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2021

- MFRS 17, Kontrak Insurans
- Pindaan ke atas MFRS 10, Penyata Kewangan Disatukan dan MFRS 128, Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama – Jualan atau Sumbangan Aset antara Pelabur dan Syarikat Bersekutu atau entiti usahasama.

Syarikat merancang untuk menggunakan piawaian perakaunan, pindaan dan pentafsiran yang dinyatakan di atas:-

- dari tempoh tahunan bermula pada 1 Januari 2019 untuk piawaian perakaunan dan tafsiran yang berkuatkuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2019; dan
- dari tempoh tahunan bermula pada 1 Januari 2021 untuk piawaian perakaunan yang berkuatkuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2021.

Syarikat sedang mengkaji kesan kewangan yang mungkin timbul daripada penggunaan piawaian perakaunan, pindaan dan interpretasi yang disebut terdahulu.

4. PERTIMBANGAN KRITIKAL PERAKAUNAN DAN SUMBER UTAMA KETIDAKPASTIAN ANGGARAN

(i) Pertimbangan Kritikal Dalam Menggunakan Polisi Perakaunan Syarikat

Dalam proses menggunakan pakai dasar perakaunan Syarikat, yang diterangkan dalam Nota 2 di atas, pihak pengurusan berpendapat bahawa tidak ada keadaan penggunaan penghakiman yang dijangka mempunyai kesan ketara ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan.

(ii) Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Pihak pengurusan percaya bahawa tiada ketidakpastian anggaran dibuat mengenai masa depan, dan tiada sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh kunci kira-kira yang mempunyai risiko besar menyebabkan pelarasan ketara kepada jumlah dibawa ke hadapan aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang.

No. Syarikat: 1015578-X

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMB.)**

5. HASIL

	2019 RM	2018 RM
Yuran pendaftaran	-	1,700
Jualan produk kesihalan	<u>98</u>	-
	<u><u>98</u></u>	<u><u>1,700</u></u>

6. KURANGAN SEBELUM CUKAI

(a) Jumlah-jumlah berikut telah diambilkira dalam pengiraan kurangan sebelum cukai:

	2019 RM	2018 RM
Yuran juruaudit	4,500	4,500
Sewa pejabat	44,060	32,540
Susutnilai peralatan	1,551	3,473
Pelupusan kos pembangunan	<u>3,394,165</u>	-
Hibah bank	(131,935)	(74,116)
Untung daripada sewaan	<u>(5,364)</u>	-

(b) Maklumat kakitangan

	2019 RM	2018 RM
Gaji dan Elaun	228,385	177,430
KWSP	26,470	20,953
SOCSO	<u>3,461</u>	<u>2,227</u>

Jumlah kakitangan pada 31 Disember 2019 adalah 6 (2018: 4).

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMB.)**

7. CUKAI

Tiada peruntukan cukai memandangkan kurangan yang ditanggung dalam tahun kewangan.

Penyesuaian perbelanjaan cukai pendapatan ke atas kurangan sebelum cukai pada kadar cukai pendapatan berkanun kepada perbelanjaan cukai pendapatan pada kadar cukai pendapatan efektif Syarikat adalah seperti berikut:

	2019 RM	2018 RM
Kurangan sebelum cukai	<u>(3,953,692)</u>	<u>(436,589)</u>
Kadar cukai pendapatan Malaysia pada 24%	(948,886)	(104,781)
Kesan cukai daripada:-		
Cukai tertunda aset tidak diiktiraf berkaitan dengan kerugian cukai tahun semasa	<u>948,886</u>	<u>104,781</u>
	<u>-</u>	<u>-</u>

Cukai tertunda aset/(liabiliti) yang tidak diiktiraf di penyata untung atau rugi adalah seperti berikut:-

	2019 RM	2018 RM
Perbezaan masa berkaitan lebihan amaun aset yang dibawa dengan nilai bersih aset	(479,634)	(2)
Kerugian cukai yang belum digunakan	6,009,583	2,071,641
Elaun modal yang belum digunakan	<u>9,679</u>	<u>8,740</u>
	<u>5,539,628</u>	<u>2,080,379</u>

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
 BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMB.)**

8. PERALATAN

Kos	Komputer dan Perisian	Peralatan Pejabat	Asset Tidak Ketara	Mesin dan Peralatan	Pengubahsuaihan	Perabot dan Kelengkapan	Total
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1 Januari 2019	12,322	3,859	-	-	-	-	16,181
Tambahan	18,079	26,300	152,290	62,066	169,476	54,491	482,702
Pada 31 Disember 2019	<u>30,401</u>	<u>30,159</u>	<u>152,290</u>	<u>62,066</u>	<u>169,476</u>	<u>54,491</u>	<u>498,883</u>
Susutnilai terkumpul							
Pada 1 Januari 2019	10,597	2,514	-	-	-	-	13,111
Susutnilai	780	771	-	-	-	-	1,551
Pada 31 Disember 2019	<u>11,377</u>	<u>3,285</u>	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>14,662</u>
Nilai buku bersih							
Pada 31 Disember 2019	<u>19,024</u>	<u>26,874</u>	<u>152,290</u>	<u>62,066</u>	<u>169,476</u>	<u>54,491</u>	<u>484,221</u>

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMB.)**

8. PERALATAN (SAMBUNGAN)

	Komputer dan Perisian RM	Peralatan Pejabat RM	Total RM
Kos			
Pada 1 Januari 2018	10,483	3,859	14,342
Tambahan	1,839	-	1,839
Pada 31 Disember 2018	<u>12,322</u>	<u>3,859</u>	<u>16,181</u>
Susut nilai terkumpul			
Pada 1 Januari 2018	7,896	1,742	9,638
Susut nilai	2,701	772	3,473
Pada 31 Disember 2018	<u>10,597</u>	<u>2,514</u>	<u>13,111</u>
Nilai buku bersih			
Pada 31 Disember 2018	<u>1,725</u>	<u>1,345</u>	<u>3,070</u>

9. KOS PEMBANGUNAN

	2019 RM	2018 RM
Kos pembangunan:		
Pada 1 Januari	3,439,165	3,259,165
Penambahan	-	180,000
Pelupusan	(3,439,165)	-
Pada 31 Disember	-	3,439,165

Kos pembangunan merupakan kos untuk membangunkan kompleks bangunan komersial yang dikenali sebagai 'Persada Awqaf' (dahulunya dikenali sebagai 'Awqaf Corporate Park Putrajaya') dengan menggunakan dana wakaf yang diterima.

Pelupusan pada tahun semasa oleh kerana permohonan perbiayaan AWQAF daripada MBSB Bank untuk Projek PERSADA tidak diluluskan.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMB.)**

10. PENGHUTANG DAN DEPOSIT

	2019 RM	2018 RM
Penghutang dagangan	9,450	-
Lain-lain penghutang	251,508	1,543,268
Deposit pembelian tanah	-	9,500,000
Deposit sewa	<u>29,200</u>	5,600
	<u>290,158</u>	<u>11,048,868</u>

Deposit pembelian tanah pada tahun semasa telah dilupuskan oleh kerana permohonan perbiayaan AWQAF daripada MBSB Bank untuk Projek PERSADA tidak diluluskan.

11. ASET SEWA BELI

	2019 RM	2018 RM
Bayaran pada masa akan datang seperti berikut:		
Tidak melebihi setahun	56,700	-
Melebihi satu tahun	<u>217,350</u>	-
	<u>274,050</u>	-

Sewa beli aset ialah merupakan mesin perubatan yang disewakan kepada pihak USAINS TECH SERVICES SDN BHD yang akan dipindah milik pada tahun 2024.

12. PEMEGANG AMANAH

	2019 RM	2018 RM
Pemegang amanah	<u>2,267,125</u>	<u>3,758,854</u>

Pemegang amanah merujuk kepada peguam syarikat yang memegang wang pendahuluan pembelian pembangunan 'Persada Awqaf' (dahulunya dikenali sebagai 'Awqaf Corporate Park Putrajaya').

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMB.)**

13. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	2019 RM	2018 RM
Tunai di tangan	88	47
Tunai di bank		
- Operasi	81,953	263,023
- Dana ZuriatCare	-	167,050
- Dana EduWaqf	-	46,985
Pelaburan Mudharabah	-	-
Simpanan tetap di bank	<u>8,300,000</u>	<u>500,000</u>
	<u>8,382,041</u>	<u>977,105</u>

Kesemua deposit didenominasi di dalam Ringgit Malaysia.

Purata wajaran kadar faedah efektif pada tarikh laporan adalah seperti berikut:

	2019 %	2018 %
Simpanan tetap di institusi kewangan berlesen	<u>3.00</u>	<u>3.60</u>

Simpanan tetap mempunyai purata waktu matang yang sama iaitu sebanyak 30 hari (2018: 30 hari).

14. MODAL DANA WAKAF KORPORAT

	2019 RM	2018 RM
Baki pada 1 Januari	12,475,098	4,449,185
Penerimaan pada tahun semasa	<u>116,371</u>	<u>8,025,913</u>
Baki pada 31 Disember	<u>12,591,469</u>	<u>12,475,098</u>

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMB.)**

15. PEMIUTANG DAN PENDAHULUAN

	2019 RM	2018 RM
Pemiutang perdagangan	1,202,105	3,179,004
Pendahuluan	3,923,779	3,758,855
Lain-lain pemiutang	107,212	(56,136)
Akruan	<u>18,309</u>	<u>11,828</u>
	<u>5,251,405</u>	<u>6,893,551</u>

Pendahuluan merupakan bayaran pendahuluan untuk pembelian unit projek pembangunan 'Persada Awqaf' (dahulunya dikenali sebagai 'Awqaf Corporate Park Putrajaya').

16. ASET LUAR JANGKA

	2019 RM	2018 RM
Saham Wakaf Takaful	<u>1,333,218</u>	<u>1,333,218</u>

Pada 5 November 2016, Awqaf Holdings Berhad dan Usrah Associates telah menandatangani memorandum persefahaman untuk menjalankan kerjasama dalam pengumpulan dana wakaf melalui aktiviti berkaitan bidang Perancangan Kewangan Islam (Takaful). Melalui kerjasama ini, Usrah Associates akan bertindak mengumpulkan jumlah kutipan Wakaf melalui Hibah Takaful apabila berlaku kematian kepada peserta. Sehingga tarikh laporan kewangan ini berakhir, sejumlah RM 1,333,218 kutipan Wakaf melalui Hibah Takaful Berjaya dikumpul oleh Usrah Associates.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMB.)**

17. KOMITMEN MODAL

	2019 RM	2018 RM
Hartanah		
Diluluskan dan dikontrakkan	-	25,500,000

Pada 26 Mac 2015, Awqaf Holdings Berhad telah menandatangani perjanjian jual beli dengan Putrajaya Holdings Berhad untuk membeli sebidang tanah pegangan bebas berjumlah RM 35,000,000 dibawah GRN 823, Lot 1 Presint 3, Putrajaya untuk membangunkan bangunan komersial. Awqaf Holdings Berhad telah membayar 10% pendahuluan tanah berjumlah RM 3,500,000 beserta sebahagian harga tanah berjumlah RM 6,000,000 dan mempunyai komitmen modal sebanyak RM 25,500,000 pada tahun semasa. Tanah tersebut masih dibawah pemilikan Putrajaya Holdings Berhad.

Pada 31 Mei 2019, pihak MBSB Bank telah memaklumkan secara rasmi bahawa permohonan pembiayaan AWQAF untuk Projek PERSADA tidak diluluskan.

18. INSTRUMEN KEWANGAN

Risiko kecairan dan aliran tunai

Pengurusan risiko kecairan berhemat bermakna mengekalkan tunai dan kemudahan dana yang mencukupi. Lebihan dana diletakkan dalam deposit di mana dana boleh disediakan dalam masa yang singkat. Di samping itu, kajian semula ke atas kecairan Syarikat adalah untuk memastikan keperluan tunai adalah mencukupi.

Aset kewangan

Aset kewangan utama Syarikat adalah penghutang dan deposit, pemegang amanah dan tunai dan setara tunai.

Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti dikelaskan menurut kandungan perjanjian kontrak yang dimeterai. Liabiliti kewangan utama Syarikat termasuk pemutang dan pendahuluan.

Instrumen ekuiti direkodkan pada hasil yang diterima selepas ditolak kos bagi terbitan langsung.

Nilai saksama

Nilai bawaan bagi aset kewangan dan liabiliti kewangan Syarikat pada tarikh kunci kira-kira adalah dianggarkan hampir dengan nilai saksama kerana tempoh matang yang pendek untuk instrumen ini.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMB.)**

19. PELARASAN SEMULA

Pelarasan semula angka perbandingan disebabkan oleh peruntukan untuk diskau dan caj tambahan dari pemutang seperti berikut:-

	Teraudit RM	Pelarasan RM	Selepas Pelarasan RM
Kurangan terkumpul	(2,247,729)	56,142	(2,191,587)
Pemutang	<u>6,949,693</u>	<u>(56,142)</u>	<u>6,893,551</u>

20. KELULUSAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan syarikat telah diluluskan untuk terbitan mengikut resolusi Pengarah-pengarah pada tarikh penyata kewangan.

**PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF TERPERINCI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DECEMBER 2019**
(Untuk maklumat pengurusan sahaja)

	2019 RM	2018 RM
Hasil	98	1,700
Lain-lain Pendapatan		
ZuriatCare	5,435	128,490
EduWaqf	20	5,000
AWQAF4Health	1,145	-
Sumbangan	1,233	58,194
Hibah	131,935	74,116
Pendapatan pembiayaan	5,364	-
Yuran tender	250	-
	145,382	265,800
Perbelanjaan pentadbiran dan operasi		
Bayaran pos dan kurier	9,033	3,054
Caj bank	618	5,733
Caj gerbang pembayaran atas talian	150	2,788
Cukai barang dan perkhidmatan	35,471	98,463
Duti Setem	3,955	-
Fotografi, videografi dan siaraya	950	14,730
Gaji	228,385	177,430
KWSP, PERKESO dan SIP	30,275	23,398
Perbelanjaan acara	15,485	57,136
Perbelanjaan pemasaran dan pengiklanan	60,003	75,936
Percetakan & alat tulis	21,500	49,521
Perjalanan	12,757	6,045
Perkhidmatan Sosial Laman Web & Media	300	38,326
Perbelanjaan lain	10,227	6,507
Sewa pejabat dan telefon	45,086	32,786
Susutnilai peralatan	1,551	3,473
Yuran audit	4,500	4,500
Yuran setiausaha syarikat	1,480	1,395
	481,726	601,221

Penyata ini adalah bukan sebahagian daripada penyata kewangan beraudit

**PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF TERPERINCI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DECEMBER 2019 (SAMB.)**
(Untuk maklumat pengurusan sahaja)

	2019 RM	2018 RM
Perbelanjaan Lain		
Perbelanjaan ZuriatCare	24,918	77,333
Perbelanjaan EduWaqf	2,000	25,535
Perbelanjaan AWQAF4Health	760	-
	27,678	102,868
Jumlah perbelanjaan pentadbiran dan operasi	(363,924)	(436,589)
Operasi yang diberhentikan		
Kerugian daripada pelupusan kos pembangunan		
Persada Awqaf	(3,394,165)	-
Kos pinjaman	(195,603)	-
Kurangan sebelum cukai	(3,953,692)	(436,589)

Penyata ini adalah bukan sebahagian daripada penyata kewangan beraudit



LAMPIRAN APPENDIX

Notis Mesyuarat Agung Tahunan

Annual Grand Meeting Notice

Borang Proksi

Proxy Form

Borang Keahlian

Membership Form



AWQAF HOLDINGS BERHAD
(1015578-X)
Syarikat ditubuhkan di Malaysia

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KETUJUH

NOTIS ADALAH DENGAN INI DIMAKLUMKAN bahawa satu Mesyuarat Agung Tahunan Awqaf Holdings Berhad ("Syarikat") akan diadakan seperti maklumat dan untuk tujuan seperti berikut:

Tarikh : 11 September 2020 (Jumaat)
Masa : 10.00 pagi
Tempat : Bangi Convention Centre,
Jalan Wawasan 1, Seksyen 14, Bandar Baru Bangi, Selangor

AGENDA

Sebagai Urusan Biasa:

1. Untuk menerima Penyata Kewangan Beraudit serta Laporan Pengarah dan Laporan Juruaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 (*seperti yang dilampirkan*). **Resolusi 1**
2. Untuk memilih dan melantik semula Pengarah-pengarah berikut yang bersara mengikut giliran menurut Artikel 56 Artikel Syarikat:
(a) YBhg. Tan Sri Siti Sa'diah Binti Sh Bakir ; dan **Resolusi 2 (a)**
(b) Puan Azizah Binti Abdul Rahman. **Resolusi 2 (b)**
3. Untuk melantik semula Tetuan Afrizan Tarmili Khairul Azhar sebagai juruaudit Syarikat bagi tahun berikutnya dan memberi kuasa kepada para Pengarah untuk menetapkan imbuhan mereka. **Resolusi 3**

Sebagai Urusan Khas:

4. Untuk mempertimbangkan dan sekiranya bersesuaian, meluluskan resolusi untuk melaksanakan urusan-urusan lain Syarikat yang mana notis sewajarnya diterima berdasarkan Akta Syarikat, 2016 dan Artikel Perlembagaan Syarikat. **Resolusi 4**

Dengan Perintah Lembaga Pengarah,

.....
Setiausaha Syarikat
Fattiadriati Mohd Tareh

Bertarikh: 21 Ogos 2020

NOTA:

1. Setiap keahlian RM1,000.00 adalah layak untuk mengundi dengan SATU undi tertakluk kepada peruntukan di dalam Memorandum dan Artikel Perlembagaan Syarikat.
2. Setiap ahli yang layak untuk hadir dan mengundi di dalam Mesyuarat Agung Tahunan berhak untuk melantik seorang atau beberapa orang (sama ada ahli atau tidak) sebagai perwakilan atau proksi untuk hadir dan mengundi bagi pihaknya.
3. Sekiranya ahli diwakili oleh lebih daripada seorang proksi, perlantikan proksi tersebut mestilah dinyatakan dengan jelas bilangan atau jumlah undian yang dipegang oleh setiap proksi.
4. Suratcara perwakilan atau proksi hendaklah dibuat secara bertulis atau mana-mana bentuk yang dipersetujui Lembaga Pengarah. Sekiranya ahli yang diwakili adalah sebuah syarikat/pertubuhan/perbadanan, suratcara tersebut mestilah dibuat sama ada di bawah meterai syarikat atau ditandatangani oleh seorang pegawai yang diberi kuasa.
5. Suratcara perwakilan atau proksi tersebut hendaklah dihantar ke pejabat berdaftar Syarikat atau di pejabat Setiausaha Syarikat di **Virtu Management House, C-39-G, Star Avenue Commercial Centre, Jalan Zuhal U6/178, Seksyen U5, 40150 Shah Alam, Selangor [Tel: +603-78596408/ Faks: +603-78596406]**, tidak kurang daripada 48 jam sebelum mesyuarat diadakan atau mana-mana penangguhan mesyuarat.



AWQAF HOLDINGS BERHAD
(1015578-X)
(Incorporated in Malaysia)

NOTICE OF THE SEVENTH ANNUAL GENERAL MEETING

NOTICE IS HEREBY GIVEN that the Annual General Meeting of Awqaf Holdings Berhad ("the Company") will be held as follows and for the purposes stated herein:

Date : 11 September 2020 (Friday)
Time : 10.00 am
Venue : Bangi Convention Centre,
Jalan Wawasan 1, Seksyen 14, Bandar Baru Bangi, Selangor

AGENDA

As Ordinary Business:

1. To accept the Audited Financial Statement, the Directors' Report and the Auditor's Report for the year ended 31 December 2019 (*as enclosed*). **Resolution 1**
2. To re-elect and re-appoint the following directors who retire as Directors by rotation under Article 56 of Articles of Association of the Company:
(a) YBhg. Tan Sri Siti Sa'diah Binti Sh Bakir ; dan **Resolution 2 (a)**
(b) Puan Azizah Binti Abdul Rahman. **Resolution 2 (a)**
3. To re-appoint, Messrs Afrizan Tarmili Khairul Azhar as the auditor of the Company and to authorise the Directors to determine their remuneration. **Resolution 3**

As Special Business:

4. To consider and, if thought fit, to transact any other business for which due notice shall have been given in accordance with the Companies Act, 2016 and the Articles of Association of the Company. **Resolution 4**

By the Order of the Board,

A handwritten signature in black ink.

.....
Company Secretary
Fattiadriati Mohd Tareh

Date: 21 August 2020

NOTES:

1. Every membership of RM1,000.00 is entitled for ONE vote subject to the provisions in the Memorandum and Articles of Association.
2. A member of the Company (qualified to attend and vote at the Annual General Meeting) is entitled to appoint a proxy or more (member or non-member) to attend and vote on his behalf.
3. If a member is represented by more than one proxy, the appointment of the proxies is invalid unless it clearly state and/or specify the number of votes represented by each proxy.
4. The instrument appointing a proxy must be made in writing or in any other manner agreed by the Board of Directors. If the proxy is executed by a corporation, the proxy form must be under common seal or signed by the company's authorized representative.
5. The instrument appointing a proxy must be deposited at the registered office of the Company or the Company Secretary's office at **Virtu Management House, C-39-G, Star Avenue Commercial Centre, Jalan Zuhal U6/178, Seksyen U5, 40150 Shah Alam, Selangor** [Tel: +603-78596408/ Fax: +603-78596406], not less than 48 hours before the scheduled meeting (or any postponement thereto).



AWQAF HOLDINGS BERHAD
(1015578-X)
(Syarikat ditubuhkan di Malaysia)

BORANG PROKSI

Saya/Kami, _____
(No. KP/No. Syarikat: _____)
beralamat di _____

ahli Awqaf Holdings Berhad ("AWQAF") dengan ini melantik individu seperti yang dinamakan dibawah sebagai proksi saya untuk mengundi bagi pihak saya/kami di dalam Mesyuarat Agung Tahunan yang ketujuh yang akan diadakan di **Bangi Convention Centre, Jalan Wawasan 1, Seksyen 14, Bandar Baru Bangi, Selangor** pada hari **Jumaat, 11 September 2020** pada pukul **10.00 pagi** atau pada sebarang penangguhannya mengikut cara yang dinyatakan di bawah:

No	Nama Proksi	No. K/P	Bilangan undi yang diwakili
1			
2			

Bertarikh _____.

Tandatangan

NOTA:

1. Setiap ahli AWQAF yang layak hadir dan mengundi di dalam mesyuarat ini berhak untuk melantik seorang proksi untuk hadir dan mengundi bagi pihaknya.
2. Proksi tidak semestinya ahli AWQAF.
3. Sekiranya ahli AWQAF yang diwakili adalah sebuah syarikat/pertubuhan/perbadanan, borang proksi ini mestilah dimeterai oleh syarikat atau ditandatangani oleh seorang wakil yang diberi kuasa.
4. Borang proksi ini hendaklah dihantar ke pejabat berdaftar AWQAF atau di pejabat Setiausaha Syarikat di **Virtu Management House, C-39-G, Star Avenue Commercial Centre, Jalan Zuhal U6/178, Seksyen U5, 40150 Shah Alam, Selangor** [Tel: +603-78596408/ Faks: +603-78596406], tidak kurang daripada 48 jam sebelum mesyuarat dimulakan.



AWQAF HOLDINGS BERHAD
(1015578-X)
(Incorporated in Malaysia)

PROXY FORM

I/We, _____
(NRIC No./Co. No: _____)
of _____

being a member of Awqaf Holdings Berhad ("AWQAF") hereby appoint the following personnel as my/our proxy to vote for me/us on my/our behalf at the **7th Annual General Meeting** of AWQAF to be held at **Bangi Convention Centre, Jalan Wawasan 1, Seksyen 14, Bandar Baru Bangi, Selangor** on **Friday, 11th September 2020** at **10.00 am** or at any adjournment thereof in the manner as indicated below:

No	Name of Proxy	NRIC No.	Number of votes to be represented
1			
2			

Dated on _____.

Signature/Common Seal

NOTES:

1. A member of AWQAF eligible to attend and vote at the Annual General Meeting is entitled to appoint a proxy to attend and vote on his behalf.
2. A proxy need not to be a member of AWQAF.
3. If the proxy is executed by a corporation, the proxy form must be under its common seal or the company's authorized representative.
4. The instrument appointing a proxy must be deposited at the registered office of AWQAF or the Company Secretary's office at **Virtu Management House, C-39-G, Star Avenue Commercial Centre, Jalan Zuhal U6/178, Seksyen U5, 40150 Shah Alam, Selangor** [Tel: +603-78596408/ Faks: +603-78596406], not less than 48 hours before the commencement of the meeting (or any postponement thereto).



AWQAF HOLDINGS BERHAD

(1015578-X)

Borang AHB 001/2020

No. 18, Tingkat 1, Jalan Serambi U8/24, Seksyen U8, D'Bayu Bukit Jelutong, 40150 Shah Alam, Selangor, Malaysia.
 Tel : +603 8732 6644 | Email : membership@awqaf.com.my | web: www.awqaf.com.my

BORANG PERMOHONAN AHLI

NAMA PEMOHON

NOMBOR KAD PENGENALAN

TARIKH LAHIR : _____

ALAMAT SURAT MENYURAT

NO. TELEFON BIMBIT/ RUMAH : _____

EMAIL : _____

JENIS KEAHLIAN DAN YURAN YANG DIWAKAFKAN

Tandakan (x)

Balatin
RM 1,000,000



Zamrud
RM 500,000



Zahab
RM 100,000



Fiddhah
RM 10,000



Hadid
RM 1,000



Asas
RM 100



Saya memohon untuk menjadi ahli AWQAF seperti yang ditandakan di atas. Bersama ini juga dilampirkan salinan Kad Pengenalan dan Wang Tunai / Bank Draft / Cek bernombor _____ bernilai RM _____. Saya mewakafkan kesemua bayaran yuran keahlian AWQAF dan manfaatnya ditentukan oleh pihak Awqaf Holdings Berhad. Saya mengesahkan bahawa segala butir-butir yang diberi adalah benar kesemuanya.

Pembayaran boleh juga dibuat ke akaun Bank Islam Malaysia Berhad atas nama "AWQAF HOLDINGS BERHAD" yang bernombor 1601 801 0022 853.

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Disemak dan diproses oleh _____

Tarikh: _____

Permohonan Diluluskan / Ditolak

Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif : Bil _____

No. Ahli _____

Saya juga bersedia mewakafkan :

Aset	*
Khidmat Profesional	*

- Sila nyatakan diskripsi asset / khidmat anda



AWQAF HOLDINGS BERHAD
(1015578-X)

No. 18, Tingkat 1, Jalan Serambi U8/24,
Seksyen U8, D'Bayu, Bukit Jelutong,
40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

📞 03-7832 6644 💬 011-6939 0434

✉️ admin@awqaf.com.my
🌐 www.awqaf.com.my